

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT KEDUA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI ISNIN
10 SAFAR 1447
BERSAMAAN 4 OGOS 2025
(HARI PERTAMA)**

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 10 Safar 1447 / 4 Ogos 2025

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., S.N.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, D.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd Yassin, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari pertama pada hari ini, Isnin, 10 Safar 1447 bersamaan 4 Ogos 2025, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat, Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir berkumpul pada pagi ini

untuk bersidang pada hari pertama dalam Mesyuarat Kedua Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah akan tiga perkara utama iaitu:

Pertama, baginda telah memperkenankan bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk diadakan dua kali setahun bermula dengan tahun ini. Kedua, baginda juga telah memperkenankan pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja kita menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat atau *Standing Orders*, dan Ketiga, baginda juga telah memperkenankan Penggubalan Kod Etika bagi Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Alhamdulillah, titah baginda itu merupakan satu penghormatan dan kepercayaan kepada Majlis Mesyuarat Negara ini untuk melaksanakan perubahan yang besar ini dengan harapan agar perbincangan akan lebih

teratur, lebih fokus dan berkesinambungan yang dapat mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa bekerjasama untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Antara urusan utama dalam Mesyuarat Kedua ini adalah usul yang akan membincangkan usaha senegara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang sudah setentunya kejayaannya bergantung kepada penglibatan menyeluruh, usaha gigih dan kerjasama berterusan daripada semua pihak dan lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu.

Setentunya ini adalah sangat sesuai untuk dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat kita ini. Mesyuarat Kedua ini juga membuka ruang bagi pertanyaan dari Ahli-Ahli Yang Dilantik untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam dan juga memberi peluang kepada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan untuk mengongsikan inisiatif-inisiatif kerajaan yang menyokong agenda pembangunan negara.

Saya berharap dalam Mesyuarat Kedua ini mempunyai peranan besar dalam menjalankan semak dan imbang dalam agenda kepentingan rakyat dan kemakmuran negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk berbahas dan walaupun akan ada perbezaan pandangan, saya berharap perbahasan akan dapat dijalankan dalam suasana yang matang, penuh tertib dan

berhemah dengan berpegang kepada prinsip Melayu Islam Beraja.

Saya menyeru kepada Ahli-Ahli akan berpegang kepada kekuatan Majlis Mesyuarat Negara dalam sama-sama menjalankan amanah demi kebaikan rakyat dan masa depan negara ini. Ini bermakna Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini perlu dibangunkan untuk menjadi medan pertukaran-pertukaran idea, buah fikiran dan penyelesaian demi memperbaiki dasar dan kehidupan rakyat dan seharusnya dipandang sebagai jambatan antara kerajaan dan rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu sama-sama menjalankan tanggungjawab bersama secara *collective responsibility* demi memikirkan pembangunan negara kita ini apa lagi dalam suasana dunia yang kurang menentu pada waktu ini.

Dalam membincangkan dan membahaskan isu-isu yang berkenaan, saya ingin menekankan bahawa Peraturan-Peraturan Mesyuarat atau *Standing Orders* haruslah sentiasa dihormati dan dipatuhi sepenuhnya demi memastikan integriti dan kemuliaan institusi Majlis Mesyuarat Negara sentiasa terpelihara. Perkara ini adalah penting bukan bagi memantap, bukan saja memantapkan proses permesyuaratan tetapi adalah bukti bahawa Majlis Mesyuarat Negara kita boleh mengaplikasikan Peraturan Mesyuarat dengan tertib.

Akhirnya, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan senantiasa beriltizam bagi meletakkan Majlis

Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi yang penting dalam negara ini, apa lagi dalam kewujudannya adalah sudah termaktub dalam perlembagaan negara kita. Marilah kita bersama-sama memeriahkan setiap sesi mesyuarat dalam dewan yang mulia ini dengan perbahasan yang lebih berkesan dan berimpak tinggi serta menjaga kesantunan semata-mata demi memastikan kebajikan rakyat, kesejahteraan negara yang kita sayangi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita nampaknya ada urusan-urusan mesyuarat yang perlu diselesaikan dan saya cadangkan agar kita berpindah ke perkara lain.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu Pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya sekarang membuka ruang bagi waktu pertanyaan selama satu jam dan prosedur ini berjalan selama kita bermesyuarat setiap hari. Sebagai peringatan, Menteri-Menteri mempunyai had masa selama 10 minit untuk menjawab setiap pertanyaan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab perlulah dijawab secara bertulis dan akan diterbitkan sebagai dokumen rasmi Majlis Mesyuarat Negara. Saya juga akan membukakan ruang bagi soalan tambahan atau *supplementary question* dan keutamaan diberikan kepada Ahli yang menghadapkan pertanyaan tersebut.

Di hadapan saya ada senarai pertanyaan yang dikemukakan, maka saya mulakan dengan soalan dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee yang ditujukannya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melaksanakan penilaian projek dan landskap bagi penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti yang dikendalikan oleh Organisasi Bukan Kerajaan ataupun NGO di Negara Brunei Darussalam termasuk yuran yang berpatutan untuk warga yang berpendapatan rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat Julai 2025 sebanyak 82 Pusat Penjagaan Kanak-Kanak telah berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat atau JAPEM dalam mana 69 Pusat telah dibuka dan sedang beroperasi di Daerah Brunei dan Muara, 4 Pusat beroperasi di Daerah Tutong dan 9 Pusat lagi beroperasi di Daerah Belait.

Setakat ini, Daerah Temburong tidak ada mempunyai Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang berdaftar. Pemilik Pusat

Penjagaan Kanak-Kanak di negara ini adalah terdiri dari pihak-pihak individu persendirian dan juga NGO. Setakat ini, terdapat 4 pusat penjagaan yang dikendalikan oleh NGO. Jabatan Pembangunan Masyarakat mengalu-alukan bagi mana-mana pun NGO untuk menubuhkan dan menjalankan pusat penjagaan kanak-kanak dengan syarat ianya mematuhi proses pelesenan, syarat-syarat pelesenan dan syarat-syarat garis pandu JAPEM mengikut Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Penggag 218).

Berkenaan bayaran yuran untuk penghantaran kanak-kanak, ianya adalah tertakluk kepada pusat penjagaan kanak-kanak masing-masing berdasarkan kadar pasaran semasa dan juga jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat penjagaan kanak-kanak tersebut. Jadi untuk makluman, mengikut maklumat yang diterima oleh JAPEM setakat ini, secara purata jumlah yuran bagi seorang kanak-kanak berjumlah \$200 bagi setiap bulan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setentunya menggalakkan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak untuk ditubuhkan ke arah membantu dan meringankan beban penjagaan dan menggalakkan penyertaan wanita dalam alam pekerjaan. Sepertimana yang telah dikongsikan sebelum ini, Kementerian ini melalui JAPEM telah menyediakan draf garis panduan penjagaan kanak-kanak atau *child daycare* di premis kerja sebagai nilai tambah kepada

perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang ada pada masa ini.

Garis panduan ini sebenarnya bertujuan untuk menggalakkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak secara *in-house* di premis-premis kerja sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Garis panduan ini juga adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik antarabangsa dan juga di negara-negara lain.

Salah satu objektif penubuhan *daycare* secara *in-house* ini nanti adalah untuk memberikan akses penjagaan secara lebih mudah dan mampu milik atau *affordable* bagi ibu bapa yang bekerja. Tambahan itu, ia juga akan mengelakkan atau mengurangkan keperluan warga kerja keluar masuk pejabat atas keperluan menghantar anak-anak sekolah. Dengan adanya *in-house daycare* ini, ianya akan dapat menyokong para ibu bapa terutama kaum wanita yang bekerja dalam menangani isu penjagaan kanak-kanak dan mendukung keseimbangan penjagaan anak dan kerjaya ke arah kehidupan keluarga yang lebih harmoni.

Menurut dapatan daripada kajian antarabangsa yang dikongsikan oleh *UN Deputy Secretary General*, premis-premis kerja yang menyediakan *in-house daycare* ini adalah lebih berkemungkinan untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja secara kompetitif atau dalam erti kata lain *more likely to attract and retain work talent*.

Jadi dalam pada masa yang sama, ia juga akan meningkatkan produktiviti di tempat kerja, jadi ini juga bermakna jika sekiranya produktiviti pada ketika ini lemah kerana orang keluar masuk pejabat dan dengan adanya dukungan seperti ini, ia akan mempertingkatkan dan mengurangkan kerugian dari segi produktiviti.

Selain daripada ini, hasil penyelidikan mengenai pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam telah mendapati bahawa 46 peratus daripada responden wanita menyatakan cabaran utama untuk menyertai tenaga kerja adalah disebabkan oleh isu penjagaan anak. Kajian turut mendapati bahawa penggunaan pusat penjagaan kanak-kanak pada masa ini lebih tertumpu kepada keluarga yang berpendapatan tinggi dan sederhana, memberi petunjuk kepada keperluan untuk memperluaskan lagi akses kepada perkhidmatan sedemikian termasuk penubuhannya di premis-premis bangunan kerajaan.

Oleh itu, maksudnya premis-premis pejabat, bangunan pejabat kerajaan. Oleh itu, penyediaan kemudahan penjagaan anak yang lebih inklusif, mampu milik dan mudah dicapai adalah penting sebagai sebahagian daripada dasar sokongan yang menyeluruh ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang mesra keluarga.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua bagi menjawab persoalan yang berkenaan.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kedua iaitu dari Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai pelaksanaan *Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan kerjasama Royal Brunei Airlines dan NGO tempatan ini adalah satu soalan yang bertepatan dan dihargai.

Pada masa ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah di kalangan lapangan terbang yang belum menyertai skim tersebut yang merupakan skim terdaftar dan dikendalikan oleh *Hidden Disabilities Sunflower Scheme Limited* iaitu sebuah NGO swasta berdaftar dan berpangkalan di UK yang mempunyai rangkaian antarabangsa melalui penyertaan sebagai ahli.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Penerbangan Awam bersetuju dengan skim tersebut, akan tetapi perlu menduduki terlebih dahulu tentang keperluan-keperluan untuk menyertai skim tersebut secara rasmi. Contohnya, untuk melaksanakan inisiatif sedemikian secara efektif di lapangan terbang, antara perkara penting yang perlu diambilkira adalah berkaitan dengan kesedaran dan kompetensi kakitangan.

Ini perlu menyediakan latihan khusus kepada kakitangan lapangan terbang termasuk pegawai keselamatan, imigresen dan khidmat pelanggan. Kesedaran mengenai ketidakupayaan tersembunyi, komunikasi, empati dan kendalian situasi sensitif. Dalam hubungan ini, Jabatan Penerbangan Awam tiada ada halangan untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak swasta dan NGO yang ingin turut menerajuinya. Ini juga tidak semestinya untuk menjadi ahli rasmi kepada *Hidden Disabilities Sunflower Lanyard Programme* tersebut tetapi kepada mana-mana usaha untuk membantu Orang Kelainan Upaya tersembunyi dapat diberi bantuan tambahan di khalayak orang ramai.

Dalam pada itu jua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di antara usaha sekarang bagi meningkatkan *accessibility* dan menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei lebih mesra, *inclusive*, penumpang-penumpang yang mempunyai keperluan

husus seperti kelainan upaya boleh memohon bantuan melalui langkah-langkah berikut, memaklumkan kepada syarikat-syarikat penerbangan atau agen pelancongan semasa membuat tempahan tiket mengenai keperluan khas yang diperlukan untuk dapat menghubungi khidmat pelanggan syarikat penerbangan sebelum tarikh perjalanan untuk mendapatkan panduan lanjut atau membuat peraturan awal dan juga memaklumkan secara langsung kepada kakitangan lapangan terbang semasa proses daftar masuk atau *check-in* untuk memohon permintaan seperti masa tambahan untuk urusan perjalanan, bantuan komunikasi yang lebih jelas, perlahan dan mudah difahami dan jika perlu, penggunaan ruang menunggu yang lebih tenang seperti ruang yang lebih senyap yang sudah tersedia.

Sekian dahulu yang kaola ingin kongsikan di Dewan Majlis ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang ketiga daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat di atas pertanyaan mengenai peluang pekerjaan di sektor awam bagi bekas banduan yang telah insaf.

Setakat ini, belum ada peraturan khusus yang membenarkan bekas banduan untuk dilantik ke dalam sektor awam. Sebarang cadangan atau inisiatif berkaitan tertakluk kepada pertimbangan pihak-pihak yang berkepentingan berdasarkan dasar dan garis panduan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Sehubungan itu, bagi sebarang permohonan untuk perlantikan semula akan dirujuk kepada pertimbangan pihak yang berkenaan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPA dan dalam hal ini, sebagai sebuah badan bebas, SPA akan membuat penilaian dengan teliti dan berpandukan prinsip *merit*, kelayakan, kesesuaian jawatan serta kepentingan perkhidmatan awam secara menyeluruh.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, SPA hanya pernah mempertimbangkan satu kes setakat ini yang melibatkan individu yang telah menjalani hukuman penjara akibat kegagalan membayar denda. Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang meneliti pendekatan yang lebih inklusif dan progresif dalam urusan pengambilan ke perkhidmatan awam termasuk pertimbangan terhadap pelaksanaan tempoh kelayakan semula bagi individu

yang mempunyai rekod sabitan lupus, *spent conviction*.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah atau inisiatif utama yang diambil oleh pihak kerajaan mengenai pembersihan rekod jenayah adalah penelitian ke atas pelaksanaan menyeluruh Akta Pendaftaran Jenayah (Penggag 202). Undang-undang berkenaan merupakan undang-undang utama yang mengimbangi tanggungjawab negara dalam memastikan keselamatan awam dengan tanggungjawab untuk menyokong pemulihan dan integrasi semula masalah yang telah insaf ke dalam masyarakat.

Walaupun akta ini menetapkan kewajipan pihak berkuasa untuk merekod butiran individu yang disabit bersalah bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang, tapisan keselamatan dan fungsi kehakiman, ianya juga mengiktiraf prinsip keadilan, pemulihan dan peluang bagi individu untuk membina semula kehidupan mereka. Selain daripada menubuhkan daftar penjenayah, Akta Pendaftaran Jenayah (Penggag 202) juga turut memperkenalkan rangka kerja bagi sabitan lupus, *spent conviction*.

Peraturan ini mengiktiraf bahawa individu yang telah menjalani hukuman dan menunjukkan pembaikan kelakuan, wajar diberi peluang untuk maju tanpa dibebani sabitan lama sepanjang hayat yang mana kerajaan juga akan terikat dengan peruntukan ini.

Mengambil kira impaknya yang luas dan mendalam kepada semua lapisan masyarakat, maka pihak jabatan ini sedang menjalankan penelitian lanjut dan terperinci bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut dijalankan dengan adil dan saksama dengan mengimbangkan kepentingan hak penjenayah yang telah insaf dengan hak masyarakat secara meluas.

Dengan yang demikian, adalah turut ditekankan kepada setiap penjawat awam untuk menilai setiap tindakan agar tidak terjerumus dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang demi sentiasa menjaga kemaslahatan diri sendiri dan juga keluarga serta memelihara nama baik perkhidmatan awam. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan pada menjawab soalan Yang Berhormat itu tadi.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang keempat dari Yang Berhormat Awang Zainol ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

Bismillahir rahmanir rahim. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab Pertanyaan Lisan yang diajukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi kaola menjawab Soalan 4, 6, 7 dan 10 iaitu Pertanyaan Lisan 147, 183, 220 dan 182 secara berurutan kerana bidangnya adalah berkaitan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Jadi Yang Berhormat akan menjawab soalan 4, 6, 7 dan 9?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan : 10

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed atas soalan mengenai dengan Pendidikan Khas di semua institusi pendidikan iaitu PL 147.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkhidmatan Khas ataupun JP Khas sentiasa memastikan pelaksanaan pendidikan khas di semua institusi pendidikan termasuk sektor swasta mematuhi garis panduan secara konsisten. Pelaksanaan ini berpanduan *Special Education Framework* yang menggariskan prinsip 5A ataupun

acceptance, accessibility, adapted curriculum, adapted instruction dan *adapted assessment* serta pelbagai buku panduan dan kurikulum khusus bagi memudahkan rujukan ibu bapa, guru dan pihak sekolah.

Pemantauan dan penilaian dijalankan secara sistematik melalui *school review, school placement meeting*, laporan kemajuan pelajar dan *school transition meeting* yang melibatkan pakar JP Khas bersama dengan pihak sekolah. Proses ini memastikan penempatan pelajar intervensi serta pelan pendidikan individu ditetapkan dengan tepat mengikut keperluan.

Bagi meningkatkan kapasiti tenaga kerja, inisiatif *special educational needs support educators* telah melatih guru sekolah kerajaan, swasta dan agama melalui kursus Pengenalan Pendidikan Khas. Sehingga tahun 2025 seramai 207 peserta telah dilatih. Selain itu, seramai 113 pegawai, pengurus, pelajar berkeperluan khas ditempatkan di sekolah-sekolah melalui program SKiPPA.

Kementerian juga menetapkan spesifikasi *minimum* fasiliti seperti bilik terapi, laluan bebas halangan dan bahan bantu mengajar khusus. Berbagai inisiatif seperti *learning assistance centre, model inclusive school* dan *centre of excellence* diwujudkan. Setakat ini, empat COE telah beroperasi di sekolah rendah dan menengah terpilih. Sekolah khas swasta seperti Sekolah Al-Ameerah Al-Hajah Mariam juga ditubuhkan bagi

menampung pelajar tahap *priority level 4* dan *priority level 5*.

Seterusnya soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan usaha tambahan kementerian yang di luar dari pembelajaran pengajaran biasa iaitu *normal teaching* untuk membantu pelajar-pelajar *under-performing*. Ini adalah merujuk kepada PL 183.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin atas soalan yang diajukan. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan *Student Learning Survey* iaitu penilaian *psychometric* kebangsaan yang melibatkan pelajar Tahun 2 hingga Tahun 11. Penilaian ini bertujuan untuk mengukur tahap kemahiran dan *proficiency* pelajar dalam bidang *literacy*, *numeracy* dan *science*. Data yang diperolehi daripada penilaian ini digunakan sebagai petunjuk dan penentu sama ada mereka memerlukan sokongan pembelajaran secara individu ataupun *one-to-one approach* atau melalui pendekatan berkumpulan atau sebaliknya.

Melalui analisis data ini, pelajar-pelajar yang *under-performing* yang memerlukan bantuan akan mengikuti program tambahan secara berstruktur. *Learning Support Programme* ataupun LSP telah diperkenalkan pada tahun 2022 bertujuan membantu sekolah-sekolah merancang dan melaksanakan program-program sokongan pembelajaran.

Satu kerangka telah dihasilkan sebagai panduan pelaksanaannya serta penyelarasan program-program sokongan pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah. Di samping itu, program-program di luar dari pembelajaran dan pengajaran biasa ataupun *normal teaching* masih terus dilaksanakan oleh pihak sekolah seperti *extra classes* dan *early morning intervention*.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga secara berterusan melaksanakan pengukuhan *Data Driven Culture* ataupun DDC di sekolah-sekolah yang merangkumi proses pengumpulan penggunaan analisis dan interpretasi data yang dapat membantu para guru untuk merancang dan melaksanakan strategi yang menyokong keperluan pembelajaran pelajar secara berfokus.

Bagi menjawab Pertanyaan Lisan 220 iaitu soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yussof terhadap perancangan untuk memperkenalkan pensijilan khusus bagi pelajar-pelajar Tahun 7, 8 atau 9 yang *low academic achievers*.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan berpandangan bahawa masih belum ada keperluan untuk memperkenalkan pensijilan khusus bagi pelajar-pelajar Tahun 7, 8 dan 9 di kalangan *low academic achievers* ataupun pelajar-pelajar dari kalangan *non-academically inclined*. Ini kerana pelajar di peringkat

berkenaan masih perlu untuk mengikuti *common curriculum* yang diselaraskan sebagai asas kepada pengukuhan pembelajaran menyeluruh sebelum mereka memasuki aliran pengkhususan *Special Applied Programme*, SAP sehingga menamatkan pengajian mereka di Tahun 11. Di samping itu, untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengajian di pasca menengah, pelajar perlu menamatkan pembelajaran sekurang-kurangnya pada Tahun 10 atau 11 seperti program-program *Industrial Skills Qualification*, ISQ yang ditawarkan oleh *Institute of Brunei Technical Education*, IBTE.

Kaola teruskan dengan menjawab Pertanyaan Lisan 182 iaitu soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai perancangan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan generasi *smart kids* yang mempunyai paras intelek IQ yang *above average*. Kementerian Pendidikan telah menubuhkan pusat perkembangan pendidikan cerdas pintar dan berbakat ataupun *Center For The Development of Gifted and Talented Education*, EDGE.

Pada tahun 2021, pusat EDGE bertanggungjawab dalam merancang dan memantau aliran pendidikan pelajar-pelajar yang dikenal pasti cerdas, pintar dan berbakat termasuk pelajar-pelajar cemerlang. Di samping itu, pusat ini turut bertanggungjawab menyelaras proses pengenalanpastian dan penilaian pelajar serta pelaksanaan program-program kepimpinan dan pembangunan pelajar.

Usaha ini turut melibatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Beberapa pelajar turut terlibat dalam program dan pertandingan yang dianjurkan di peringkat antarabangsa seperti *The 16th APEC Cross Mentoring Research Activity*, *The 14th ASEAN+3 Centre For The Gifted in Science Student Camp*, *The 16th and 17th International Science Youth Forum* dan *The 10th ASEAN+3 Juniors Science Odyssey*.

Penyertaan dalam program-program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar sekaligus mempertingkatkan kemahiran komunikasi, *problem solving* dan kepimpinan mereka dalam suasana global yang lebih kompetitif. Sekian saja dulu yang dapat kaola saya kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Assalamualaikum Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mohon izin untuk bertanyakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Soalan mana satu yang mahu ditambah?

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan *tracking system*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sekiranya ada usaha Kementerian Pendidikan untuk mengadakan *tracking system* untuk memantau anak-anak *low performer* dan *low achievers* supaya tidak tersisih daripada pelajaran.

Kaola juga berharap mereka ini akan dipantau secara menyeluruh hingga mereka mendapat kelulusan, *skill set* yang membolehkan mereka mencari pekerjaan atau mendapat kelulusan yang membolehkan mereka untuk melanjutkan pelajaran. Jika mereka tidak ada *tracking system*, adakah *tracking system* ini akan diusahakan? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih atas soalan yang telah diajukan dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai dengan *tracking system*. Sebenarnya selepas Covid hari itu, *the first day the students came back to school*, kitani telah menyediakan satu *tracking system* yang telah *develop* ataupun *developed* oleh Kementerian Pendidikan yang berupa satu *set item* yang menggunakan *item-item*, *released item* daripada *International Accredited Bodies* di dalam *assessment*.

Di dalam *item-item* tersebut tersenarai soalan-soalan di mana mereka di *benchmark* dengan *expectation* ataupun kompetensi mereka di dalam *literacy*, *numeracy* dan juga *science* seperti yang pernah saya suarakan di dalam Dewan yang mulia ini. Ia merupakan satu pengutipan data dan analisis data yang paling besar yang pernah secara peribadi kaola dan saya sendiri pernah lihat.

Daripada sana, misalnya pada tahun 2024 sahaja, seramai 47 ribu pelajar telah dinilai dan angka ini tentunya telah bertambah daripada tahun sebelumnya pada tahun 2023 dan tahun 2022 di setiap *level* bermula pada Tahun 2 sehingga pada Tahun 11 pelajar-pelajar ini. Jadinya, mereka dinilai dan *diassess* di mana keberadaan mereka.

Adakah mereka arah *early beginner* ataupun *intermediate* ataupun sudah *advance*. Di sinilah guru-guru akan melihat di mana keberadaan pelajar-pelajar tersebut mengikut kompetensi masing-masing.

Jadinya, memang ada terdapat *tracking system*. Jadinya, kalau misalnya pelajar itu memang dalam kategori *early competencies* ataupun *immediate* ataupun *advance*. *So, we know where they are in the expected competencies*. *So*, adakah saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat? Tapi, memang ada. *We have*.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Biskaola pohonkan ialah kalau ianya

dipantau untuk memastikan kanak-kanak itu tidak keluar sekolah *unless* mereka punya *skill set* yang membolehkan mereka untuk mencari pekerjaan.

Adakah mereka perlu ditahan dalam sekolah hingga umur 18 tahun hingga mereka mendapat keputusan yang membolehkan mereka menjadi pekerja apabila mereka keluar? Sebab kalaunya setakat *tracking* dan tidak dipantau, kaola takut bahawa mereka akan tercicir sebab pada masa ini pun ada kanak-kanak yang tercicir tidak punya kelulusan dan tidak ada upaya untuk mencari pekerjaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya sendiri bersetuju. Memang kanak-kanak ini mesti dipantau tetapi keupayaan pelajar-pelajar ada limitnya. Memang kitani sebagai seorang pendidik yang percaya pada psikologi pendidikan kanak-kanak, kitani tahu di mana sukat-sukat *zone of proximal development* bagi setiap pelajar. Jadinya, di sini lah fungsi utama para guru untuk memastikan kanak-kanak itu sudah mencapai zon-zon yang ataupun keupayaan mereka masing-masing.

Jadinya dalam hal ini, jika mereka itu di dalam *early stage* dan mereka akan diperkukuhkan lagi kompetensi mereka supaya mereka menaik kepada kompetensi berikutnya. Tetapi, kalau mereka sudah tidak dapat untuk mengikuti pembelajaran seterusnya ataupun *that's the limit of* durang punya

academic attention, then of course kitani akan mencuba lagi cara lain seperti mewujudkan kemahiran-kemahiran ataupun *skills* mereka.

Jadinya, kanak-kanak yang keluar daripada alam persekolahan, ianya tidak boleh dinilai daripada segi keupayaan mereka dalam mengecapi bidang akamedik sahaja tetapi kitani mesti lihat bahawa pelajar-pelajar juga *some of them* adalah *non-academically inclined* di mana mereka adalah berjaya di dalam kemahiran-kemahiran tertentu. Tetapi memang ada pemantauan sebab itu ada program-program tertentu untuk mengeluarkan mereka daripada satu *stage* kepada *stage* yang lain. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin membuat soalan tambahan. Pertama, kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah memberi penerangan yang begitu *detail* mengenai dengan usaha-usaha pihak Kementerian. Ini berkaitan dengan pelajar-pelajar yang *under-performing*.

Kaola cuma ingin mengetahui sahaja disebalik usaha yang sudah ada, pemantauan dan *student learning*

survey, kaola ingin mengetahui sejauh mana kesannya bah kepada pelajar-pelajar yang *underperforming* ani, kerana kaola melihat dari segi keputusan peperiksaan awam, pencapaian mereka, pencapaian pelajar pada keseluruhannya masih di peringkat yang sama bah peratusnya.

Jadi kalau ada usaha-usaha untuk membaiki *student student* yang *underperforming* ani, adakah dapat dilihat dari segi keputusan peperiksaan mereka ataupun *performance* mereka di sekolah. Atu sahaja yang ingin kaola tanyakan Yang Berhormat Pehin, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Ia adalah merupakan satu soalan yang sangat baik dan sedikit *tricky*. Kenapa kaola, saya ingin mengatakan soalan itu adalah *tricky* kerana kalau kitani melihat kepada *performance* pelajar-pelajar di dalam PSR ataupun soalan-soalan peperiksaan awam, mungkin kitani akan melihat ada meningkat, ada penurunan.

Tetapi kitani perlu ingat bahawa di dalam peperiksaan tersebut mereka adalah kohort yang berbeza dan yang paling penting sekali tiada *link item* di dalam soalan-soalan PSR daripada tahun 1 dan tahun berikutnya. Inilah merupakan satu cabaran daripada pihak Kementerian Pendidikan untuk melihat sejauh mana

pelajar-pelajar ini sebenarnya meningkat ataupun menurun. Tetapi secara purata kitani boleh lihat kepada *trend line* pencapaian pelajar-pelajar itu tadi.

Walau bagaimanapun, sebenarnya saya ada satu *paragraph* yang akan kaola, saya timbulkan ataupun kongsi semasa Perbahasan Wawasan nanti mengenai dengan pencapaian pelajar-pelajar menggunakan *link items* bermula daripada bermulanya Wawasan di *announce* dan bermulanya bila kitani sudah mengubah sistem pendidikan ataupun SPN Abad ke-21 pada tahun 2007 sehingga 2024 pada tahun lepas dan data tersebut menggunakan *link items* yang membuahkan, memberikan satu gambaran yang sangat *interesting*, so kalau boleh kitani tunggu pada hari tersebut untuk kaola, saya (*ketawa kecil*) untuk bercerita dengan lebih lanjut lagi mengenai dengan pencapaian pelajar-pelajar menggunakan 4 *Psychometric assessments* menggunakan *link items*. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Jadi kitani beralih balik lagi kepada soalan yang kelima, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas pertanyaan mengenai usaha Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkukuh kemudahan sukan dan rekreasi di peringkat akar umbi bagi memastikan akses yang lebih inklusif.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus sentiasa berusaha memperkukuh prasarana serta program sukan dan rekreasi di peringkat akar umbi agar dapat dinikmati secara adil, inklusif dan menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat termasuk wanita, warga emas dan golongan orang kelainan upaya. Ini adalah selaras dengan hasrat melahirkan rakyat dan penduduk yang sehat, bersaya tahan dan bersatu padu.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan. Pertama, penambahbaikan dan penaiktarafan kemudahan sukan yang sedia ada agar lebih inklusif di kompleks-kompleks dan fasiliti-fasiliti sukan di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Belia dan Sukan.

Ini termasuk usaha untuk memastikan setiap premis dan kemudahan sukan memenuhi piawaian *Design and Accessibility Development Guideline* atau ringkasnya DADG yang mana telahpun ditetapkan. Penyediaan *ramp access* (OKU) dan laluan mesra kerusi roda. Penyediaan zon senaman yang dikhususkan untuk warga emas lengkap dengan peralatan senaman berimpak rendah yang bersesuaian dengan keperluan golongan warga emas tersebut. Penyediaan ruang yang selamat dan mesra keluarga termasuk

kawasan permainan untuk kanak-kanak dalam usaha menggalakkan penyertaan wanita dan keluarga secara lebih aktif dalam kegiatan sukan dan riadah.

Kemudian kedua. Pelaksanaan program Sukan Untuk Masyarakat atau ringkasnya SUM, yang menyasarkan penyertaan akar umbi melalui aktiviti seperti sukan Mukim dan Kampung dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Pertubuhan Bukan Kerajaan, NGO bagi memastikan penglibatan menyeluruh semua golongan tanpa mengira umur, jantina atau keupayaan fizikal. Melalui pendekatan bersepadu ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berharap kemudahan sukan dan rekreasi akar umbi bukan sahaja menjadi *medium* membentuk sahsiah dan gaya hidup sihat malah menjadi pemangkin kepada perpaduan komuniti serta kesejahteraan sosial ke arah pembangunan daerah yang seimbang lagi inklusif.

Seterusnya, selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas yang memberi penekanan kepada penyediaan persekitaran yang mesra dan kondusif bagi warga emas termasuk akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi di peringkat akar umbi, pelan ini turut menyokong penyertaan aktif warga emas dalam aktiviti fizikal seperti senaman ringan, jalan santai dan juga sukan komuniti. Ini adalah sebagai sebahagian daripada pendekatan yang menyeluruh untuk menggalakkan gaya hidup sehat, mengurangkan kesunyian dan mengukuhkan interaksi sosial dalam

kalangan warga emas. Pendekatan ini diyakini mampu memperkukuh kesejahteraan fizikal dan mental, dan juga mental warga emas disamping memupuk perpaduan komuniti yang lebih inklusif dan seimbang.

Sekian sahaja bagi menjawab soalan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih atas soalan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelapan iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan seterusnya soalan sembilan iaitu daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai pemantauan pihak penguatkuasa terhadap pusat-pusat penjagaan kanak-kanak demi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan kanak-kanak sejajar dengan Akta Kanak-Kanak dan Orang

Muda (Penggai 219). Sebagai makluman bersama, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu jawatan Pengarah JAPEM telah diwartakan sebagai Pendaftar Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Penggai 218).

Maka dalam hubungan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM adalah bertanggungjawab untuk memantau penubuhan Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di seluruh Negara Brunei Darussalam. Di bawah Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak ataupun *National Framework of Child Protection*, pemilik, pengurus dan pengasuh Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan ibu bapa penjaga, semuanya memainkan peranan penting dalam melindungi kanak-kanak dan mempunyai tanggungjawab untuk membuat pendekatan, merujuk dan melapor apabila menerima kes perlindungan kanak-kanak. Tanda-tanda penderaan kanak-kanak termasuk fizikal, seksual, emosi, pengabaian dan sebagainya.

Menurut Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggai 219) Seksyen 26 (1), peranan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah jika Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak tersebut percaya atas alasan yang munasabah bahawa adanya kanak-kanak dcederakan secara fizikal atau emosi akibat menerima layanan yang buruk, diabaikan, ditinggalkan, atau terdedah atau didera secara seksual, ia hendaklah segera memaklumkan kepada pelindung iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat atau JAPEM.

Mana-mana Pusat Penjagaan Kanak-Kanak yang gagal memenuhi *sub-section* (1) adalah melakukan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$5,000.00, dikenakan hukuman penjara bagi satu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Pihak penguatkuasa sentiasa memastikan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak mematuhi Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 2006, khususnya dalam aspek perlindungan, permakanan, kesihatan, kebersihan, kebajikan dan jua keselamatan. Lawatan pemeriksaan adalah dijalankan pada setiap bulan, sekurang-kurangnya dua lawatan setiap minggu, termasuk lawatan berjadual dan tidak berjadual.

Ini adalah bagi bertujuan memantau tahap pematuhan ataupun *compliance* pusat-pusat tersebut. Jadi sebarang aduan berkaitan pelanggaran Akta akan setentunya disiasat dengan serius dan tindakan tegas sudah setentunya termasuk penutupan pusat atau pendakwaan boleh dikenakan jika didapati melanggar peruntukan undang-undang.

Selain itu, pemeriksaan juga dilaksanakan setiap kali permohonan untuk menubuhkan atau membaharui lesen dikemukakan, ertinya ia bukannya berbentuk *auto-renewal* ah. Ini termasuk penilaian ke atas kemudahan, nisbah tenaga penjaga kepada kanak-kanak serta amalan penjagaan yang selamat dan berkualiti.

Ahli Jawatankuasa Perlesenan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak itu adalah terdiri daripada wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat, wakil Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, wakil Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan wakil Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Alam Sekitar juga akan meneliti setiap Pusat Penjagaan Kanak-Kanak bagi memastikan pusat-pusat berkenaan patuh terhadap piawaian dan mengikuti garis panduan jabatan masing-masing.

Dari aspek permakanan, kesihatan dan kebersihan, ia adalah dipantau dan diperiksa oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Alam Sekitar. Pekerja-pekerja Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah diwajibkan untuk mendapatkan sijil penyelia makanan, lulus pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat dari penyakit-penyakit berjangkit, kronik atau membahayakan kepada kanak-kanak dalam jagaan.

Dari aspek keselamatan pula, pengawasan dan perlindungan dipantau dan diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Unit Rekod Jenayah dan Cap Jari yang memastikan bangunan dan infrastruktur premis di luar dan di dalam Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah dikira selamat untuk kanak-kanak seperti contoh pemasangan tikar-tikar yang berbentuk *soft-padding* di seluruh kawasan dan memastikan jua pekerja-pekerja atau yang berdaftar, pekerja-pekerja yang berdaftar tidak mempunyai sebarang rekod jenayah yang dikira merbahaya dan tidak sesuai untuk

berkhidmat dalam perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.

Manakala dari aspek kebajikan, dipantau oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat atau JAPEM dimana kebajikan kanak-kanak semasa berada di Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dipastikan akan terus dan sentiasa dalam keadaan terjamin. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan ialah *Introduction to Infant and Children Training Program for Caregivers* mulai 12 Februari 2025 hingga 11 Julai 2025. *Training program* ini diperkenalkan khusus bagi penjaga-penjaga anak-anak damit ah, ianya bertujuan untuk memastikan tahap penjagaan itu berkualiti serta memperkukuh kecekapan penjaga dalam menangani keperluan kanak-kanak damit dan akan dapat membantu mengurangkan insiden penderaan dan kecuaian.

Program ini telah disertai oleh sejumlah 68 peserta yang terdiri daripada pemilik dan penjaga daripada sebanyak 64 buah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di seluruh negara. Ini juga sebenarnya bertujuan untuk melahirkan para belia untuk berkemahiran dalam sektor *Care Economy* sebagai salah satu sektor ekonomi yang boleh menjana dan membuka ruang pekerjaan khususnya yang melibatkan penjagaan kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah dan sudah setentunya perkara ini akan membuka ruang pekerjaan yang lebih luas dengan adanya pengiktirafan melalui program yang disediakan.

Oleh yang demikian, dengan berkembangnya *sector Care Economy* ini, Insya Allah ianya akan membantu mengurangkan permintaan ataupun menangani kenaikan-kenaikan kos apabila kitani mendapatkan khidmat pembantu rumah dari luar negara.

Sekian sahaja bagi menjawab soalan Yang Berhormat Pehin tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

(Berhenti sebentar)

Mohon maaf Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ada lagi satu tinggal soalan. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat di atas pertanyaan mengenai garis panduan dan kerangka perundangan dalam memastikan pelaksanaan intervensi terhadap kes kanak-kanak dan keluarga rentan adalah secara beretika, sah dan profesional.

Bagi kes kanak-kanak, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggah 219) ada menetapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Pembangunan Masyarakat, JAPEM dalam perlindungan kanak-kanak. Antaranya adalah seperti berikut. Pengarah Pembangunan Masyarakat adalah juga selaku pelindung, diberi kuasa dan mempunyai kuasa untuk memasuki dan memeriksa mana-mana premis termasuk rumah, bangunan, kedai dan bilik jika mempunyai alasan yang munasabah dan mensyaki bahawa ada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Ini sebenarnya bukan perkara baru, ini memang sudah terdapat di bawah akta yang berkenaan dan ini bukannya unik kepada Negara Brunei Darussalam saja. Sememangnya agensi-agensi serupa yang berupa *counterpart* JAPEM dan agensi yang serupa ini di luar negara semuanya mempunyai kuasa yang serupa ini. Selain itu, Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak atau *National Framework in Child Protection* atau NFCP adalah panduan kebangsaan yang bertujuan untuk mengembangkan ekosistem dan menambah baik sistem perlindungan kanak-kanak yang sedia ada di Negara Brunei Darussalam.

Perlindungan kanak-kanak di negara ini dilaksanakan melalui pendekatan pelbagai sektor. Antara sektor utama yang terlibat dalam perlindungan kanak-kanak termasuklah agensi perkhidmatan sosial JAPEM iaitu pekerja sosial, penghulu, ketua kampung, NGO dan jua orang-orang awam. Pendidikan, sektor pendidikan pula, pengetua, guru-guru, kaunselor, penjaga pusat penjagaan kanak-kanak dan di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Swasta, Jabatan Pengajian Islam, sekolah-sekolah tahfiz dan arab, agensi penguatkuasaan seperti Polis, Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Biro Kawalan Narkotik dan penguatkuasaan ugama dan kesihatan termasuk pegawai perubatan profesional, pekerja perubatan sosial, hospital-hospital kerajaan dan swasta.

Penjagaan terhadap kanak-kanak dan orang muda sebenarnya memerlukan penglibatan antara agensi, ini kerana kanak-kanak ini mempunyai pelbagai keperluan seperti keperluan fizikal, keperluan emosi, pendidikan, identiti, sosial, kerohanian dan kemahiran penjagaan diri kerana kanak-kanak ini lemah dan *vulnerable* sebenarnya. Jadi di bawah NFCP terdapat *mechanism* iaitu *assessment tools* ah dan SOP untuk mengenalpasti kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Untuk mengenalpasti kanak-kanak tersebut, ianya memerlukan perlindungan iaitu Protokol Penilaian Sektor atau apa juga dikenali sebagai *Sectoral Assessment Tools* dan Protokol Pelaporan Perlindungan Kanak-Kanak atau *Child Protection Reporting Protocol*, CPRP bagi setiap sektor. Ini sebenarnya bermakna ada langkah-langkah *steps* yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan proses penilaian-penilaian dan pelaporan-pelaporan mengenai perkara ini.

Sectoral Assessment Protocol atau SAP adalah *mechanism* untuk mengenal pasti kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan bagi memudahkan dalam menjalankan intervensi awal. Intervensi awal ini sudah setentunya sangat penting terhadap aduan-aduan yang diterima. SAP ini ada 4 versi untuk keempat-empat sektor iaitu sektor penguatkuasaan, kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial. Setiap sektor ini dan pengguna-pengguna mempunyai peranan yang sangat penting dan diperlukan untuk mengetahui serta menjalankan penilaian kes yang diterima.

Jadi SAP ini jua menetapkan tahap risiko kes yang diterima menggunakan *colour-coding*, *colour-coding* yang mengikut tahap kes yang dari peringkat ringan kepada peringkat yang lebih *serious*. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, khusus mengenai kaunselor, JAPEM telah menghasilkan satu buku Kod Etika Kaunselor JAPEM yang mana telah dilancarkan pada tahun 2023. Buku ini berperanan secara signifikan dalam menjamin kebajikan kaunselor dan pengamal kaunseling sebagai rujukan serta garis panduan dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal ehwal kaunseling secara beretika dan profesional.

Sekali lagi kaola menekankan ini bukannya unik kepada Negara Brunei Darussalam, apa-apa panduan, buku, etika, dan sebagainya semuanya dipastikan selaras dengan apa yang diamalkan peringkat antarabangsa. Salah satu perkara yang terkandung dalam kod etika tersebut adalah mengenai persetujuan termaklum ataupun apa yang dipahami sebagai *Informed Consent* dan hak-hak klien sebelum dan di sepanjang proses dijalankan bersama klien. Proses ini merangkumi lawatan ke rumah klien jika diperlukan dengan kebenaran klien atau ibu bapa atau pelindung, iaitu pelindung di sini bermaksud Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Jadi, sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menjawab soalan tadi yang nombor sembilan PL231.

Terima kasih sekali lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, waktu bagi pertanyaan selesai dan kita sekarang beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Usul Keahlian Majlis Mesyuarat Negara kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kaola ruang untuk memberikan ulasan. Minta maaf. Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih kerana telah memberikan kaola ruang untuk mencadangkan satu Usul yang berbunyi: "Majlis ini bersetuju bagi Majlis Mesyuarat Negara menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA". Terima kasih.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola
mengucapkan berbanyak terima kasih
kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua
kerana telah memberikan laluan kepada
kaola selaku Ahli Majlis Mesyuarat
Negara Yang Dilantik untuk
menghadapkan satu Usul di Dewan yang
mulia ini iaitu Usul bagi keahlian Majlis
Mesyuarat Negara dalam *Inter-
Parliamentary Union*, IPU dan
*Commonwealth Parliamentary
Association*, CPA seperti berikut:

Menyedari bahawa Majlis Mesyuarat
Negara telah menjadi negara pemerhati
kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU
dan *Commonwealth Parliamentary
Association*, CPA selama beberapa tahun.

Menyokong akan usaha pertubuhan
antarabangsa bagi mengukuhkan
diplomasi parlimen iaitu *parliamentary
diplomacy* dengan memaju hubungan
dua hala dan pelbagai hala antara
Negara Brunei Darussalam dan negara-
negara serantau. Majlis Mesyuarat
Negara membuat cadangan untuk
menjadi ahli penuh kepada *Inter-
Parliamentary Union*, IPU dan
*Commonwealth Parliamentary
Association*, CPA.

Bahawa Majlis ini bersetuju bagi Majlis
Mesyuarat Negara menjadi ahli kepada
IPU dan *Commonwealth Parliamentary
Association*, CPA. Kertas Usul keahlian
Majlis Mesyuarat Negara Brunei, MMN ke

IPU dan CPA dihadapkan sebagai kertas
bilangan nombor 6 tahun 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-
Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin
meneruskan hujah kaola untuk
menyokong Usul yang telah kaola
bentangkan.

Pertama, IPU adalah kesatuan parlimen
yang ahlinya terdiri dari negara-negara
ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
iaitu PBB dan *United Nations* yang telah
ditubuhkan pada 1889 bertujuan untuk
memupuk kerjasama dan dialog di
kalangan parlimen negara ahli dalam
mempromosi demokrasi, keamanan dan
keselamatan, kesihatan dan
kesejahteraan dan pembangunan
mampan, *sustainable development* di
seluruh dunia. IPU merupakan platform
bagi parlimen-parlimen untuk bertukar-
tukar fikiran, berkongsi amalan terbaik
dan bekerjasama dalam isu-isu global
yang kritikal.

Yang kedua sebagai pemerhati tetap
di Persidangan Agung PBB, IPU
mempunyai jalinan hubungan dan
kerjasama yang rapat dengan PBB dalam
pelbagai isu global seperti perubahan
iklim, *gender equality* dan hak asasi
manusia. Dengan menjadi ahli kepada
IPU nanti, dapatlah Majlis Mesyuarat
Negara, Negara Brunei Darussalam
mengikuti perkembangan dan
perbincangan isu-isu global di kalangan
parlimen antarabangsa yang mempunyai
kepentingan kepada Negara Brunei
Darussalam.

Manakala *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA adalah satu organisasi yang telah ditubuhkan dalam Commonwealth pada tahun 1911 yang menghimpunkan semua parlimen di pelbagai peringkat dari negara-negara *Commonwealth* untuk mempromosi demokrasi berparlimen, *parliamentary democracy*, *good governance* dan *rule of law*. Keahlian Majlis Mesyuarat Negara dalam *Commonwealth Parliamentary Association* akan memberi laluan kepada Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti perkembangan isu-isu global di kalangan negara-negara *commonwealth*.

Di samping *networking* dan kolaborasi dengan 180 buah parlimen dan badan-badan perundangan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga akan berpeluang untuk mengikuti program *professional development* dan *training* di bawah *capacity building program* bagi meningkatkan *skill* dan *knowledge of parliament and parliamentary staff*. CPA juga menawarkan bantuan teknikal untuk mengukuhkan lagi kapasiti institusi Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selama ini, atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hubungan dan penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam IPU dan CPA adalah sebagai pemerhati.

Setelah menghadiri beberapa persidangan sebagai pemerhati dan juga

penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam beberapa program yang dianjurkan oleh kedua organisasi tersebut, kaola percaya bahawa keahlian penuh dalam IPU dan CPA adalah satu langkah yang strategik dan selaras dengan aspirasi negara untuk mengukuhkan institusi dan peranan Majlis Mesyuarat Negara dan juga bagi tujuan menaikkan prestasi sistem parlimen negara ini sebanding dengan sistem parlimen-parlimen yang lain.

Pada masa ini, hanya Negara Brunei Darussalam sahaja antara negara ASEAN yang belum menjadi ahli IPU, sementara di kalangan negara-negara ASEAN ahli *Commonwealth* iaitu Brunei, Malaysia, Singapura, hanya Brunei masih lagi belum menjadi ahli *Commonwealth Parliamentary Association*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah menimbangkan perkara ini sedalam-dalamnya dan mengambil kira jua kepentingan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai sistem parlimennya sendiri dan dengan bertawakal pada Allah Subhanahu Wata'ala, kaola penuh yakin menghadapkan Usul Keahlian Negara Brunei Darussalam ke IPU dan CPA kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sokongan.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah kita dengar, seorang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah pun membukakan satu Usul yang berbunyi Majlis ini bersetuju bagi Majlis Mesyuarat Negara menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA.

Sebelum perkara ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya minta kalau ada ahli yang menyokong Usul ini.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya Usul iaitu *motion* yang telah dicadangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan disokong oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin sekarang di hadapan kita untuk dibahaskan.

Seterusnya saya membukakan Usul ini untuk dibahaskan dan saya mengingatkan bahawa perbahasan Usul

dihadkan kepada 15 minit bagi setiap Ahli Yang Berhormat. Perbahasan ini sekarang saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim (*doa dibaca*). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh hormat kaola merakamkan setinggi terima kasih dan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memberikan peluang kepada kaola untuk menyokong sepenuhnya Usul yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman terhadap keahlian Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam menjadi *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association* yang dicadangkan.

Dalam pada itu, kaola juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di atas mukadimah dan penjelasan mengenai keahlian Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam ke

Inter-Parliamentary Union dan *Commonwealth Parliamentary Association* termasuk tujuan dan manfaat yang diperolehi.

Alhamdulillah, walaupun Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang kecil tetapi telah pun menjadi dan diiktiraf dalam keahlian di peringkat antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *World Health Organization*, OIC dan APEC. Justeru itu, adalah bersesuaian dan relevan bagi Majlis Mesyuarat Negara menjadi ahli IPU dan CPA, bukan sahaja sebagai *value added* bahkan menambahkan lagi pengiktirafan dan keahlian bagi keahlian Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa sekali gus kaola berpendapat ianya menaikkan imej dan memartabatkan lagi institusi Majlis Mesyuarat Negara ke persada antarabangsa. Ini juga memberikan peluang untuk mengikuti perkembangan semasa di samping membolehkan mengemukakan pandangan yang relevan demi mempertahankan kedaulatan, kepentingan Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga berpandangan sudah tiba masanya dan bertepatan Majlis Mesyuarat Negara menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union* dan *Commonwealth Parliamentary Association* untuk dipertimbangkan, kerana seperti yang dimaklumi Majlis Mesyuarat Negara telahpun sudah sekian lama menjadi pemerhati di samping membolehkan menilai akan kemanfaatannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola berpendapat dengan keahlian ini juga akan mencerminkan satu anjakan strategik yang akan memperkukuhkan institusi legislatif Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu usaha memperluaskan platform diplomasi negara ini di peringkat global serta menjadikan posisi Negara Brunei Darussalam ini salah satu rakan dialog dalam mengongsikan pengalaman, bertukar-tukar pandangan isu-isu global yang merangkumi antara lainnya hal ehwal keselamatan, perubahan iklim dan juga kemajuan digital. Penyertaan ini juga selari dengan hasrat negara untuk bersama-sama menyokong dalam mewujudkan dunia yang lebih aman, adil, sejahtera di persada antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyertaan penuh Majlis Mesyuarat Negara dalam IPU dan CPA yang mengamalkan *best practise* adalah juga merupakan satu langkah strategik ke arah memperkukuh yang juga mensasarkan meningkatkan pengalaman, pengetahuan, kualiti dan kecekapan lebih mantap lagi akan kedudukan Majlis Mesyuarat Negara.

Pada kesimpulannya, kaola menyokong sepenuhnya Usul keahlian Majlis Mesyuarat Negara kepada *Inter-Parliamentary Union* dan *Commonwealth Parliamentary Association*.

Sekian. Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala

wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola menyokong penuh Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bagi membolehkan Majlis Mesyuarat Negara menjadi ahli kepada dua pertubuhan antara parlimen, *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA. Usul ini mencerminkan satu langkah yang berpandangan jauh serta juga usaha yang amat bertepatan dengan waktu dalam mengukuhkan arah tuju diplomasi parlimen negara dan meningkatkan nilai institusi MMN secara menyeluruh.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah melalui satu fasa pengukuhan dalaman yang ketara, baik dari sudut penambahbaikan peraturan mesyuarat, perluasan ruang perbahasan, penyusunan semula proses mesyuarat sehinggalah pada peningkatan mutu penyediaan dokumentasi dan amalan perbahasan.

Maka, langkah ke arah penyertaan antarabangsa ini hadir tepat pada masanya. Ia tidak hanya meningkatkan keterlibatan kita di persada antarabangsa tapi juga mencerminkan tahap kematangan institusi dan kesiapsiagaan untuk memperkukuh keupayaan dalaman melalui jaringan kerjasama yang lebih luas dan strategik.

Cadangan ini pada pandangan kaola juga merupakan satu bentuk pelaburan institusi yang bersifat pembangunan kapasiti. Penyertaan ini tidak lagi sekadar membawa nama dalam senarai keahlian tetapi lebih penting lagi ia membuka ruang untuk membina struktur kerja yang lebih responsif, lebih sistematik dan profesional. Sebagai contoh, pertubuhan seperti CPA menyediakan platform khas bagi *parliamentary benchmarking* iaitu satu proses penting untuk melihat keberkesanan sistem sokongan termasuk latihan urus setia, khidmat penyelidikan serta pengurusan parlimen.

Melalui penglibatan ini, kita akan dapat meneliti elemen-elemen tersebut secara lebih fokus dan berstruktur mengikut kesesuaian konteks majlis kita. Kaola berpandangan sudah tiba masanya MMN mewujudkan satu kerangka pengukuran sendiri yang lebih kukuh bukan sahaja melalui laporan tahunan tetapi menerusi rujukan kepada *standard* dan panduan institusi serantau dan global.

IPU misalnya mempunyai pelbagai sumber seperti *indicators for democratic parliament* yang boleh dijadikan alat rujukan dalam membentuk budaya kerja

parlimen yang lebih telus, inklusif dan berkesan. Dengan ini, kita dapat mengenalpasti aspek-aspek yang perlu diperhalusi bagi memperkukuh fungsi teras majlis seperti perbahasan, semakan dasar dan penyampaian maklumat kepada rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Langkah ini juga dilihat sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang MMN dalam memperkukuh *legislative support system* termasuk pembinaan kapasiti ahli dan pegawai, pementoran ahli baru serta pembangunan amalan kerja yang lebih mampan. Hubungan jangka panjang dengan institusi parlimen luar dapat membina bukan saja jaringan tetapi juga arkib kerja dengan memori institusi-institusi yang berharga. Kita sedang meletakkan batu asas pada satu bentuk kesinambungan institusi yang bukan hanya bersandarkan kepada individu tetapi kepada struktur dan budaya kerja yang mantap.

Oleh itu, kaola menyokong Usul ini dengan penuh keyakinan bukan semata-mata kerana ia membolehkan kita menyertai tetapi kerana ia membuka fasa baharu kepada bagaimana MMN boleh mengurus dan mengukur kemajuan. Ini termasuklah keupayaan untuk memilih bentuk penyertaan yang paling relevan, mengoptimumkan kehadiran kita di platform antarabangsa, mendokumentasikan pelajaran yang diperoleh dan paling penting menterjemah segala dapatan tersebut ke

dalam penambahbaikan sebenar terhadap proses dan hasil kerja majlis.

Kaola juga ingin menekankan bahawa keberhasilan penyertaan ini tidak akan bergantung kepada berapa banyak persidangan yang kita hadiri, tetapi sejauh mana kita memanfaatkan ruang ini untuk mengukuh disiplin kerja, dari penyusunan agenda pembentangan, dapatan pembangunan, perbahasan hinggalah kepada komunikasi yang lebih strategik dengan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin merakamkan penghargaan kepada rakan ahli yang telah membawa Usul ini ke hadapan dan berharap dengan perancangan dan pelaksanaan yang rapi, penyertaan ini akan menjadi satu titik penting dalam pembangunan jangka panjang institusi ini.

Sekian. Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang bagi kaola membahaskan Usul keahlian Majlis Mesyuarat Negara kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan

*Commonwealth
Association, CPA.*

Parliamentary

khusus kepada Negara-Negara
Komanwel.

Terlebih dahulu, izinkan kaola untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Urusetia Majlis Mesyuarat Negara dan semua pihak yang berkepentingan dalam mewujudkan dan menjayakan Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 bagi tahun 2025 yang pada julung kalinya diadakan seperti yang dihasratkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama tahun ini.

Kaola berpendapat bahawa keahlian Majlis Mesyuarat Negara ke dalam Persatuan Parlimen Komanwel ataupun dikenali sebagai *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA bukan hanya semata-mata simbolik, bahkan merupakan langkah strategik yang menawarkan faedah yang mendalam dalam mengukuhkan tadbir urus kerjasama serantau dan melibatkan global dengan parlimen-parlimen CPA yang lain.

Sebagai pertubuhan yang menghubungkan lebih daripada 180 buah badan perundangan negara dan sub-nasional di seluruh Negara-Negara Komanwel. Pertubuhan ini bertujuan untuk mempromosikan pengetahuan tentang aspek perlembagaan, perundangan, ekonomi, sosial, budaya, demokrasi, parlimen dan rujukan

Untuk meneraju misinya, CPA seringkali mengadakan beberapa persidangan, seminar, bengkel dan lawatan kerja yang membolehkan ahli untuk berbincang dan berkongsi pengalaman untuk menyelesaikan isu-isu semasa yang berhubungkait dan tidak terhad kepada transformasi digital, perubahan iklim, isu-isu yang berkaitan dengan wanita, orang kelainan upaya, sebagainya. Ini bermakna CPA secara tidak langsung adalah merupakan satu wadah untuk menerajui beberapa matlamat-matlamat *Sustainable Development Goals*, SDGs.

Ini merupakan satu usaha bersama yang mana negara juga memberi keutamaan dalam beberapa aspek seperti Matlamat 5, Kesaksamaan Jantina; Matlamat 10 Mengurangkan Ketidaksamaan; dan Matlamat 13, Tindakan Iklim, yang turut menyumbang kepada pencapaian Wawasan 2035, terutamanya Matlamat 2 iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, CPA bukan hanya memberikan manfaat-manfaat seperti yang diuraikan tadi, malah CPA juga memberikan peluang untuk mempelajari dan memahami amalan terbaik.

Sebagai contoh, CPA mempunyai kerangka yang bernama *CPA Benchmark for Democratic Legislatures* yang meliputi

topik seperti pengawasan, kewangan dan belanjawan, penglibatan dengan rakyat dan akhbar, keistimewaan pengundian infrastruktur, peraturan prosedur, permohonan profesional dan lain-lain.

Kerangka ini mengandungi lebih kurang 200 petunjuk yang menilai parlimen berdasarkan aspek seperti pembaikan prosedur, seperti keterbukaan, akauntabiliti dan integriti secara sistematik. Secara langsung, perkara ini menyumbang kepada pencapaian Matlamat nombor 16, *Sustainable Development Goals*, SDGs, berkenaan keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh terutamanya objektif Matlamat 16.5, mengurangkan rasuah dan suapan dalam semua bentuk. Objektif Matlamat 16.6, membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat dan objektif 16.7, memastikan perbuatan keputusan yang responsif, inklusif, partisipatif dan berwibawa pada semua peringkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, CPA juga mengadakan program pembangunan profesional seperti *Parliamentary Academy* yang membukakan peluang untuk Majlis Mesyuarat Negara mempelajari *best practices* daripada parlimen-parlimen Negara Komanwel melalui kursus dalam talian, kursus *residency* dan kursus yang disampaikan secara luaran.

Selain itu, dengan keahlian Majlis Mesyuarat Negara ke dalam CPA, Urusetia Majlis Mesyuarat Negara boleh

memanfaatkan pelbagai *tool kit* dan panduan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA yang sedia ada seperti *gender sensitising*, *parliament guidelines*, *disability inclusion guidelines*, *standards of code of conduct for members of parliament and parliamentary workplace* dan lain-lain.

Dengan akses kepada *Parliamentary Academy* dan *tool kit* dan panduan-panduan ini, ianya akan mendukung Majlis Mesyuarat Negara untuk memperkukuhkan lagi proses semangkin dan kualiti pentadbiran setaraf dengan *standard* antarabangsa. Kaola berpandangan bahawa dengan keahlian Majlis Mesyuarat Negara ke dalam *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA ini, ini akan memperkasakan lagi fungsi-fungsi Majlis Mesyuarat Negara dan peranan sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang memainkan peranan dalam arena antarabangsa dan juga memajukan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan 2035.

Maka ini rendah diri kaola menyokong sepenuhnya Usul Keahlian Majlis Mesyuarat Negara kepada *Inter-Parliamentary Union* (IPU) dan *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA). Sekian yang dapat kaola kan sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, terlebih dahulu kaola ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya jua kita semua dapat bermesyuarat buat julung-julung kalinya bagi kali kedua di Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola juga dengan hormat sukacita ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana kerana memberikan kesempatan bagi kaola membahaskan Usul iaitu *Motion* yang telah dikemukakan mengenai cadangan bagi Majlis Mesyuarat Negara untuk menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, sepertimana yang termaktub di dalam watakah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, yang antara lain menyatakan bahawa sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memelihara perhubungan persahabatan di peringkat antarabangsa

atas dasar saling hormat menghormati terhadap kemerdekaan dan kedaulatan bernegara. Pada hemat kaola, usul yang telah dicadangkan tadi itu adalah satu langkah yang amat relevan di dalam merealisasikan hasrat negara yang murni ini.

Penglibatan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Mesyuarat Negara di dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti IPU dan CPA ini bukan sahaja akan mengangkat martabat Majlis Mesyuarat Negara di peringkat antarabangsa bahkan ianya juga akan memberi ruang kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman bersama badan-badan perundangan dari seluruh dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana, izinkan kaola berkongsi serba sedikit mengenai kelebihan jika sekiranya majlis bersetuju untuk menyertai *Inter-Parliamentary Union*, IPU. Sebagai sebuah pertubuhan badan perundangan yang termuka di dunia, IPU memainkan peranan yang sangat penting di dalam mempromosikan demokrasi, keamanan dan kerjasama antarabangsa.

Pada masa yang sama, IPU juga berfungsi sebagai nadi penggerak kepada matlamat-matlamat yang terdapat pada *United Nations Sustainable Development Goals* di peringkat institusi-institusi perundangan dunia.

Antara matlamat-matlamat yang sangat diambil berat oleh IPU ialah Matlamat No.13 iaitu *Climate Action*. Bagi sama-sama merealisasikan matlamat tersebut, IPU berperanan untuk membantu institusi-institusi perundangan dunia bekerja bagi sama-sama mencapai Perjanjian Paris dan perjanjian iklim yang lain seperti usaha mempercepatkan dekarbonisasi dan mengurangkan jejak karbon seluruh dunia. Ini adalah sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 yang antara lain berhasrat untuk mencapai kualiti kehidupan yang tinggi dengan berasaskan persekitaran negara yang lestari dan ekonomi negara yang tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil keluar minyak dan gas.

Ini bermakna keahlian Majlis Mesyuarat Negara di dalam IPU akan membukakan peluang yang sangat berharga kepada Majlis Mesyuarat Negara untuk terlibat secara langsung di dalam perbincangan isu-isu kritikal di peringkat antarabangsa. Melalui platform IPU ini juga, kaola percaya bahawa Majlis Mesyuarat Negara akan dapat menyuarakan perspektif yang unik dan bernas dalam menyumbang kepada pembentukan resolusi dan keputusan yang insya Allah akan memberi impak yang sangat besar kepada masyarakat dunia disamping menunjukkan kebolehan negara dalam menyertai perbincangan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana, ini juga merupakan peluang yang sangat baik bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk mempelajari,

mengadaptasikan dan mengaplikasikan amalan-amalan yang terbaik dari badan-badan perundangan dari seluruh dunia. Negara Brunei Darussalam juga boleh mengongsikan amalan-amalan terbaik negara dengan tindakan-tindakan dan amalan-amalan negara dalam menangani isu cuaca dan iklim yang melanda dunia. Melalui kaedah ini, Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi perundangan Negara Brunei Darussalam, boleh bertukar-tukar pandangan dan pengalaman bersama badan-badan perundangan yang berkemahiran tinggi seperti mencari kaedah proses perundangan yang terbaik dan efisien.

Dengan perkongsian ini, kaola juga percaya ia boleh menyumbangkan kepada menarik minat negara-negara ahli untuk mengerat hubungan usaha sama dengan negara dan juga mana-mana amalan terbaik yang dipelajari akan dapat dikongsikan dengan kementerian-kementerian berkaitan untuk diambil kira di dalam pelan tindakan masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Jalinan kerjasama di antara Majlis Mesyuarat Negara bersama 181 buah negara ahli IPU akan membolehkan kita berkerjasama dan berganding bahu dalam menangani isu-isu rentas sempadan yang kompleks demi kesejahteraan bersama.

Di samping itu, kaola percaya bahawa penyertaan Majlis Mesyuarat Negara kepada pertubuhan-pertubuhan ini mengesahkan komitmen kita terhadap

diplomasi parlimen dan peranan aktif di dalam komuniti antarabangsa selaras hasrat dengan Negara Brunei Darussalam sentiasa memelihara perhubungan persahabatan di peringkat antarabangsa. Sesungguhnya, cadangan ini bukan sahaja akan memperluaskan jaringan diplomatik bagi Majlis Mesyuarat Negara bahkan juga akan meningkatkan kapasiti dan profesionalisme Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Usul ini adalah tepat pada masanya dan selaras secara strategik dengan prinsip-prinsip dasar luar Negara Brunei Darussalam yang berteraskan kepada penghormatan terhadap kedaulatan, tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain, hubungan berjiran yang baik, kerjasama pelbagai hala serta komitmen terhadap keamanan, *neutrality* dan penyelesaian melalui dialog dan persefahaman bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana, maka dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berpaksikan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir serta dengan berlandaskan calak dan identiti kebruneian kitani, kaola menyokong sepenuhnya Usul bagi Majlis Mesyuarat Negara untuk menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union* dan *Commonwealth Parliamentary Association*.

Sekian, Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kaola kesempatan ini untuk menyampaikan sedikit pandangan di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antaranya mengenai perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis daripada satu kali setahun kepada dua kali setahun serta pengemaskinian terhadap prosedur proses kerja menurut Peraturan Mesyuarat atau *Standing Orders*.

Kaola dengan penuh hormat dan takzim menjunjung dan menyambut baik titah baginda ianya akan mempertingkatkan lagi keberkesanan persidangan majlis ini

dengan terdapatnya peluang untuk perbincangan yang lebih berfokus dan berkesinambungan.

Di kesempatan ini juga, kaola merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan dan kebijaksanaan beliau mengendalikan sesi Mesyuarat Pertama yang lalu. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita semua dapat berkumpul sekali lagi bagi menghadiri sesi Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan kali ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah negara yang kecil, kekuatan kita terletak pada kebolehan untuk membina hubungan yang kukuh dan bekerjasama secara kolektif. Negara Brunei Darussalam telah terus memberikan keutamaan kepada keahlian dan penyertaan aktif dalam ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Kerjasama Islam, *Commonwealth* dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik antaranya.

Menerusi keahlian pertubuhan-pertubuhan ini, negara dan rakyat terus beroleh pelbagai manfaat. Ia turut mencerminkan komitmen negara yang berterusan dalam mendukung *multilateralism* serta memastikan suara dan kepentingan negara dipertahankan di peringkat serantau dan juga global.

Ia juga sejajar dengan dasar luar negara yang antara lain menggalakkan

kerjasama demi faedah bersama. Sama ada secara dua hala mahupun pelbagai hala. Misalnya keahlian Negara Brunei Darussalam dalam perhimpunan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly*, ianya merupakan landasan untuk mengadakan dialog dan juga untuk memupuk dan memperdalam persefahaman antara parlimen negara-negara ASEAN.

Melalui keanggotaan di dalam AIPA yang aktif, Negara Brunei Darussalam telah diberi kepercayaan dan kehormatan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Presiden AIPA dan juga ketika ini sedang memikul peranan sebagai Setiausaha Agong AIPA sehingga penghujung tahun ini. Kepercayaan ini melambangkan pengiktirafan terhadap peranan aktif dan konstruktif negara. Sekaligus dapat mengangkat imej dan profil negara kita di rantau ini.

Di samping itu, dengan adanya Mesyuarat *ASEAN - AIPA Leaders' Interface* ianya berfungsi sebagai wadah untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama serantau di peringkat tertinggi iaitu antara pemimpin-pemimpin negara ASEAN dan parlimen negara-negara AIPA. Ini memperlihatkan bahawa parlimen juga memainkan peranan signifikan dalam usaha mencapai visi keamanan, kemakmuran dan kemampanan ASEAN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh mengenai dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam di *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan

Commonwealth Parliamentary Association, CPA ianya membolehkan kita untuk turut serta dalam bertukar-tukar pandangan mengenai cabaran serantau dan antarabangsa. Ini termasuk isu-isu yang menjejaskan keamanan perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi, keselamatan tadbir urus digital, kesihatan awam dan sebagainya.

IPU dan CPA juga dapat menjadi *medium* untuk meningkatkan pembangunan kapasiti ahli dan pegawai Majlis Mesyuarat Negara, melalui pertukaran-pertukaran dan lawatan rasmi. Ia turut memperluaskan rangkaian kerjasama dengan ahli-ahli parlimen negara lain dan berupaya menjalin kepercayaan di kalangan negara-negara ahli. Ini juga seiring dengan usaha negara untuk mencapai *Sustainable Development Goals*, SDGs khususnya SDG 17 iaitu *Partnership for Goals* ianya bermaksud menggiatkan pengkongsian global termasuk antara parlimen-parlimen bagi mendukung agenda pembangunan lestari.

Sebagaimana yang telah ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 kali pertama pada April 2025, di mana kejayaan dalam merealisasikan Wawasan Negara menuntut rancangan yang teliti, penyelarasan dan pensejajaran yang kukuh serta dedikasi tinggi oleh semua pihak. Oleh itu, pengalaman dan amalan-amalan terbaik yang boleh diperolehi

secara langsung atau rangkaian dapat dipraktikkan untuk meningkatkan undang-undang dan dasar negara pada masa ini. Ini boleh membina kapasiti institusi yang lebih efisien serta boleh meningkatkan tadbir urus yang berkesan.

Oleh itu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menyambut baik hasrat Majlis Mesyuarat Negara untuk menjadi ahli kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA. Inisiatif ini merupakan langkah yang positif, yang tepat pada masanya bagi memperluaskan penglibatan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat antarabangsa.

Insyallah, ianya akan dapat membantu memperkukuh lagi kedudukan negara di mata dunia serta mempertingkatkan pandangan positif terhadap Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga Negara Brunei Darussalam dengan mengongsikan pendekatan dan nilai-nilai negara kita yang unik.

Ini juga akan menjadi satu landasan bagi Negara Brunei Darussalam mempertahankan dan memajukan kepentingannya sekaligus menunjukkan kita sebagai ahli yang aktif dan bertanggungjawab dalam terus menyumbang kepada dialog bersama ahli-ahli parlimen dari negara-negara sahabat.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Usul ini kita tutup ataupun kita undi seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Ahli yang membawa Usul ini untuk memberikan ulasannya yang terakhir sekiranya ada, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kaola ruang untuk memberi sedikit ulasan sahaja.

Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli yang telah pun menyokong Usul yang kaola bentangkan di Dewan yang mulia ini.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas ulasan yang disampaikan oleh rakan-rakan Yang Berhormat untuk menyokong cadangan Usul yang telah kaola bawa, kaola mengambil kesempatan mengucap berbanyak terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II kerana ulasan

yang begitu padat dan padu untuk menyokong Usul yang telah kaola bawa.

Seterusnya kaola menerima baik saranan serta pandangan yang telah pun disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kaola berharap keahlian Majlis Mesyuarat Negara dalam *Inter-Parliamentary Union* dan *Commonwealth Parliamentary Association* akan mencapai hasrat seperti yang telah pun diharapkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian, Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telahpun selesai membahaskan satu Usul yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang mana telahpun disokong oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan disoalkan, dibincangkan oleh beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik juga disokong dan dibincangkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan, maka sekarang Usul ini adalah sesuai untuk diundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Usul ini diluluskan, sila angkat tangan.

*(Semua Ahli mengangkat tangan
tanda bersetuju)*

Terima kasih, nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Usul ini diluluskan.

(Tukul diketuk)

Yang Mulia Jurutulis: Usul Keahlian Majlis Mesyuarat Negara kepada *Inter-Parliamentary Union*, IPU dan *Commonwealth Parliamentary Association*, CPA diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini dan mesyuarat ini kita tangguhkan. Insya Allah, kita akan bersidang semula pada tengah hari ini nanti mulai daripada jam 2.30 petang.

Sekian, Wabillahit taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekarang Majlis Mesyuarat akan beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Usul Wawasan Brunei 2035 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat petang dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim *(doa dibaca)*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah yang peramba/kaola/saya hormati.

Terlebih dahulu, izinkan peramba/kaola/saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola mencadangkan di Dewan yang mulia ini Usul Wawasan Brunei 2035 seperti berikut:

Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Dewan ini perlu meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaian.

Menyedari bahawa Wawasan Brunei 2035 diterbitkan oleh Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang pada tahun 2004 bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Hanya tinggal 10 tahun bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Memperakui bahawa usaha-usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada mencapai matlamat-matlamat utama wawasan dijalankan melalui *Manpower Blueprint* bagi Matlamat Pertama yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, MPTMP; *Social Blueprint* bagi Matlamat Kedua yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS; dan *Economic Blueprint* bagi Matlamat Ketiga yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Memahami bahawa keadaan dunia sejagat sukar diramal dan negara juga tidak terkecuali dari menghadapi kesan-kesan global seperti konflik geopolitik dan situasi ekonomi tidak menentu. Kesan ini mencabar pelaksanaan Wawasan Brunei.

Bahawa dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Majlis ini mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola untuk meneruskan bagi menyampaikan ulasan terhadap Usul Wawasan Brunei 2035 khususnya berhubung peranan Jabatan Perdana Menteri dalam mendukung pelaksanaan dan pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sejak pelancarannya pada tahun 2007, Wawasan Brunei 2035 telah menjadi kerangka rujukan utama negara dalam menggubal dasar dan merangka Pelan Pembangunan Jangka Panjang. Wawasan Brunei 2035 menetapkan tiga matlamat utama iaitu:

Pertama, Rakyat yang Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi dan Berjaya;

Kedua, Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi; dan

Ketiga, Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Ketiga-tiga matlamat ini saling melengkapi dan penting dalam membina asas sebuah negara yang inklusif, maju dan berdaya tahan. Kejayaan Wawasan Brunei 2035 adalah tanggungjawab kolektif dan memerlukan penyertaan aktif seluruh lapisan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan dengan tidak bergantung harap sepenuhnya ke atas pihak kerajaan. Ini adalah selaras dengan penekanan terhadap pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* yang saling mendukung ke arah mencapai matlamat yang sama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keprihatinan dan kesungguhan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kejayaan Wawasan Brunei 2035 dizahirkan secara berterusan melalui kurnia titah-titah, panduan dan sokongan baginda dalam memperkukuh dasar pembangunan negara. Tumpuan baginda terus berpaksikan kepada teras utama Wawasan Brunei 2035 iaitu pendidikan, kualiti hidup dan pembangunan ekonomi yang mencerminkan iltizam baginda dalam memastikan negara terus maju seiring dengan perubahan global.

Namun demikian, landskap global hari ini semakin mencabar. Isu perubahan iklim, kemunculan teknologi baharu, transformasi tenaga kerja serta ketidaktentuan geoekonomi dan geopolitik memerlukan pendekatan dasar yang lebih strategik, pantas dan berpandangan jauh. Dalam menghadapi cabaran ini, falsafah Melayu Islam Beraja, MIB kekal menjadi asas-asas utama pembangunan negara iaitu bukan sekadar identiti negara tetapi juga sebagai panduan dalam membentuk hala tuju pembangunan yang holistik dan seimbang antara kemajuan fizikal dan pembangunan ekonomi, rohani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah,

pelaksanaan dasar kerajaan telah menghasilkan kemajuan signifikan ke arah pencapaian ketiga-tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035.

Bagi matlamat pertama Wawasan Brunei iaitu Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, berdasarkan kepada laporan *Programme for International Student Assessment, PISA 2022* oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD*, skor negara dalam PISA 2022 mencatatkan peningkatan berbanding semasa penilaian PISA 2018 iaitu skor 442 bagi Matematik, peningkatan sebanyak 12 skor, skor 429 bagi bacaan, peningkatan sebanyak 21 skor, skor 446 bagi Sains, iaitu peningkatan sebanyak 15 skor.

Pencapaian ini menempatkan Negara Brunei Darussalam dalam tiga teratas dalam kalangan negara-negara ASEAN yang bukan sahaja menunjukkan peningkatan keupayaan pelajar di negara ini dalam bidang asas seperti Matematik dan Sains, malah mencerminkan hasil usaha berterusan memperkukuh sistem pendidikan negara.

Bagi matlamat kedua, iaitu Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi, negara berada di kedudukan ke-60 daripada 193 buah negara, dan termasuk dalam kategori negara yang mempunyai *very high human development* menurut laporan *Human Development Index, HDI* yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme, UNDP* pada

tahun 2025 yang merupakan satu pengiktirafan global terhadap usaha berterusan negara dalam memperkasa kesejahteraan rakyat.

Bagi matlamat ketiga iaitu Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan, Keluaran Dalam Negeri Kasar, KDNK per kapita mengekalkan negara ini di kedudukan ketujuh tertinggi daripada 194 buah negara berdasarkan Laporan *World Economic Outlook* yang dikeluarkan oleh *International Monetary Fund, IMF* bagi April 2025.

Pencapaian ini mencerminkan keupayaan negara dalam mengekalkan kestabilan ekonomi meskipun berdepan cabaran global hasil daripada dasar fiskal yang berhemat, pengurusan sumber asli yang mampan dan langkah strategik dalam mempelbagaikan ekonomi negara khususnya melalui sektor bukan minyak dan gas.

Selain itu, usaha berterusan dalam menarik Pelaburan Langsung Asing, *FDI* memperkukuh Sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, PMKS serta memperkasa transformasi digital, turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh asas ekonomi negara.

Bagi mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, kerajaan telah memperkenalkan tiga *blueprint* iaitu *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint* sebagai panduan strategik kebangsaan yang menyelaras hala tuju pembangunan negara. Ketiga-tiga *blueprints* ini dirancang untuk memastikan perancangan dan

pelaksanaan dasar secara menyeluruh dan bersepadu melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* demi memenuhi kepentingan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara menyeluruh.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat, meningkatkan kualiti hidup ke arah sebuah negara yang kekal makmur, aman dan berdaya tahan untuk semua. Dalam usaha dalam memastikan pembangunan tenaga manusia kekal, responsif dan berdaya saing, pelbagai inisiatif telah digerakkan ke arah mencapai Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Sejajar dengan matlamat ini, *Manpower Blueprint* yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan telah diterbitkan pada tahun 2024. Dokumen strategik ini memberi tumpuan kepada empat aspirasi utama yang dirangka bagi memperkukuh keupayaan tenaga kerja tempatan untuk memastikan keselarasan berterusan antara pembangunan pendidikan dan keperluan industri demi menyokong pertumbuhan ekonomi negara secara mampan dan inklusif iaitu:

Aspirasi pertama, pendidikan dan latihan dinamik yang menekankan sistem pendidikan dan latihan negara yang pelbagai, inklusif dan adaptif untuk

melahirkan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan beretika;

Aspirasi kedua, rakyat siap siaga masa depan. Menekankan pembentukan rakyat, yang inovatif, produktif dan bertanggungjawab di samping menanai pembelajaran sepanjang hayat bagi melengkapi mereka dengan set minda, pertumbuhan dan kedayatahanan, *growth and resilience*;

Aspirasi ketiga, pembangunan modal insan yang efektif menumpukan kepada ekosistem pembangunan modal insan yang holistik dan koheren bagi menyediakan keperluan tenaga manusia negara untuk pembangunan modal insan ke arah tenaga kerja yang proaktif dan kompeten; dan

Aspirasi keempat, pemudah cara sistem dukungan dan struktur yang merupakan elemen penting bagi kejayaan ketiga-tiga aspirasi terdahulu. Ini merangkumi infrastruktur kualiti tinggi dan tadbir urus yang berkesan melalui pendekatan *whole of nation* bagi mencapai aspirasi tenaga manusia, pembangunan modal insan bagi menggerak pembangunan sesebuah negara.

Seterusnya, dalam menyelaras dasar dan program pembangunan sosial negara untuk memacu pencapaian matlamat kedua, Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan rakyat yang tinggi, *Social Blueprint* yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah

dilancarkan tahun ini dengan menumpukan kepada empat aspirasi utama iaitu:

Aspirasi pertama, rakyat yang mandiri, berdaya tahan dan siap siaga masa depan yang bermaksud masyarakat yang mampu berdikari dalam menghadapi pelbagai cabaran masa hadapan dengan membentuk sikap tekun berusaha sendiri yakni mandiri bagi meningkatkan keupayaan mobiliti sosial serta menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

Aspirasi kedua, memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya yang menekankan kepentingan institusi keluarga sebagai unit yang paling asas dalam berperanan untuk menyediakan landasan untuk pembangunan modal insan bagi menggerak pembangunan sesebuah negara;

Aspirasi ketiga, membangun masyarakat yang pemedulian, inklusif dan saksama yang bermaksud memenuhi keperluan masyarakat secara inklusif untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan ke arah kesejahteraan dan keselamatan yang terjamin dengan menjadikan masyarakat sebagai asas kepada pembangunan sosial yang mampan; dan

Aspirasi keempat, memperkasa pembangunan sosial melalui pendekatan senegara yakni *whole of nation approach* yang menumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan kerjasama dan penglibatan pihak yang berkepentingan melalui pendekatan senegara bagi memastikan

tadbir urus yang berkesan ke arah kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

memperkukuhkan hubungan antarabangsa melalui peluang perniagaan;

Bagi merealisasikan matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, *Economic Blueprint* telah dilancarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada tahun 2021 bagi merangka strategi pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan global dengan menetapkan enam aspirasi utama iaitu:

Aspirasi keempat, kelestarian alam sekitar yang bertujuan untuk membantu dalam penjagaan ekosistem hijau negara selaras dengan komitmen negara sebagai nadi utama Borneo yakni *Heart of Borneo* dan juga komitmen menyeluruh antarabangsa melalui penurunan jejak karbon dan pelepasan gas rumah hijau;

Aspirasi pertama, perniagaan yang produktif dan pesat yang memfokuskan kepada perniagaan untuk bersaing, berkembang dan berdaya tahan dengan menerokai pasaran dan peluang baharu serta memanfaatkan teknologi dan inovasi oleh kesemua sektor perekonomian terutama lima sektor keutamaan, hiliran minyak dan gas, makanan, pelancongan, perkhidmatan dan *ICT*;

Aspirasi kelima, infrastruktur ekonomi berkualiti tinggi dan berdaya saing yang memfokuskan kepada ketersediaan infrastruktur ekonomi yang mempunyai kapasiti untuk menyokong dan mengembangkan perniagaan negara; dan

Aspirasi kedua, rakyat yang berkemahiran, adaptif dan inovatif yang memfokuskan kepada melahirkan tenaga kerja masa hadapan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan industri dan mempromosikan perkembangan keusahawanan;

Aspirasi keenam, tadbir urus yang baik dan kecemerlangan perkhidmatan awam yang memfokuskan kepada memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif melalui tadbir urus dan perkhidmatan awam yang telus, cekap dan mengikut peraturan yang jelas.

Aspirasi ketiga, ekonomi yang terbuka dan terhubung secara global iaitu dengan memperkembangkan akses pasaran dan perkongsian ekonomi, *economic partnership* yang pelbagai dalam

Ketiga-tiga *blueprint* ini mencerminkan iltizam kerajaan dalam menyusun semula strategi pembangunan negara secara lebih responsif, inklusif dan berimpak tinggi demi memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dalam suasana global yang semakin mencabar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Perdana Menteri mendukung sepenuhnya usaha merealisasikan matlamat negara

melalui pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*. Antaranya, dalam memperkukuh urus tadbir strategik dengan penggubalan dasar pembangunan jangka panjang berasaskan bukti yakni *evidence-based policy* yang memberi impak nyata dan berpanjangan kepada rakyat dan negara, termasuk penyediaan kerangka penilaian impak dasar yang komprehensif dan mekanisme pelaporan kemajuan pelaksanaan yang sistematik dan telus dengan penetapan petunjuk-petunjuk prestasi utama yakni KPI yang jelas untuk memantau keberkesanan dan pencapaian matlamat dasar.

Kedua, meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam melalui pelan permodenan dan transformasi institusi yang menumpukan kepada pembangunan kapasiti institusi dan modal insan, inovasi penyampaian dan pengukuhan akauntabiliti dan keberhasilan bagi mempertingkatkan mutu pencapaian perkhidmatan awam, kerajaan terus melaksanakan perkhidmatan yang berkualiti, berpaksikan rakyat dan berasaskan data sambil memanfaatkan teknologi digital secara optimum.

Salah satu inisiatif ke arah ini ialah Sistem E-Pemedulian Pelanggan, EPP yang membolehkan orang ramai memberi maklumbalas secara langsung terhadap perkhidmatan kerajaan, data yang dikumpul akan menjadi asas penting bagi penambahbaikan berterusan di samping membuka peluang penerapan teknologi seperti kecerdasan pembuatan *Artificial*

Intelligence, AI dan *Big Data* untuk memperkukuh kecekapan dan responsif Sistem Perkhidmatan Awam.

Seterusnya mengambil pendekatan yang menyeluruh dan proaktif dalam memelihara keselamatan dan kestabilan negara demi menjaga kemaslahatan seluruh lapisan rakyat, kerajaan memberi keutamaan kepada prinsip kedaulatan undang-undang serta pembudayaan masyarakat, *law-abiding* yang celik dan patuh kepada peraturan yang dikuatkuasakan.

Sejajar dengan ini, Jabatan Perdana Menteri menyokong pelaksanaan inisiatif seperti Pindaan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 dan kempen kesedaran Waspada.bn. Usaha penguatkuasaan turut diperkukuh melalui pelaksanaan *Social Blueprint* dengan penekanan kepada pencegahan penguatkuasaan dan kesiapsiagaan selaras dengan Matlamat Strategik 6 di bawah Aspirasi 4.

Seterusnya mengutamakan keberhasilan yang memfokuskan kepada kepentingan negara dan kemaslahatan rakyat melalui pelaksanaan dasar yang tidak hanya berorientasikan *output* tetapi menjurus kepada hasil yang memberi perubahan positif dan berpanjangan dalam kualiti hidup rakyat, kesejahteraan sosial dan daya saing negara di peringkat serantau dan global termasuk memastikan setiap inisiatif pembangunan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat dari segi peluang pekerjaan yang baik yakni

decent work, pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Dalam mendukung perihal negara yang mampan termasuk menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, peningkatan kecekapan tenaga dalam sektor awam dan swasta serta penyediaan dasar dan hala tuju tenaga negara yang mendukung agenda kepelbagaian ekonomi di sektor hiliran Minyak dan Gas, kelestarian dan keselamatan tenaga secara jangka Panjang, Negara Brunei Darussalam berjaya mengekalkan kadar elektrifikasi yang tinggi ditahap 99.99 peratus pada tahun ini. Alhamdulillah, kadar ini dicapai melalui penyambungan rangkaian tenaga elektrik ke Mukim Sukang dan kawasan pendalaman di Daerah Belait, memenuhi keperluan harian bagi penduduk-penduduk di mukim tersebut.

Di samping itu, usaha-usaha bagi mengekalkan sektor huluan Minyak dan Gas tetap sahaja digiatkan. Memperkasa kerjasama merentas sektor melalui platfom penyelarasan dasar dan dialog-dialog inklusif bersama sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, *NGOs*, masyarakat dan institusi akademik bagi menghasilkan dasar yang lebih holistik, berimpak tinggi dan responsif kepada keperluan rakyat dan membangun keupayaan data kebangsaan secara menyeluruh melalui kerjasama rentas agensi bagi mendukung penggubalan dasar yang tepat berasaskan maklumat yang sahih dan terkini selaras dengan keperluan Wawasan Brunei 2035 dan

Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan, *Sustainable Development Goals*, SDG. Jabatan Perdana Menteri juga memudah cara dasar-dasar yang kondusif untuk pelaburan strategik, pembangunan model insan termasuk pelaksanaan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum), Pindaan 2025 dan inovasi sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kejayaan Wawasan Brunei 2035 bukan sahaja bergantung kepada perancangan yang rapi tetapi juga kepada kecekapan pelaksanaan dan semangat kebersamaan seluruh rakyat dan negara.

Maka itu, peramba/ kaola/ saya menyeru agar perbahasan usul ini diperkaya dengan pandangan yang membina dan berpendangan jauh demi memastikan dasar-dasar yang digubal benar-benar memberi impak yang besar dan berpanjangan kepada rakyat dan negara. Peramba/ kaola/ saya akhiri dengan penuh harapan dan keyakinan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat kepemimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar segala usaha yang dilaksanakan termasuk oleh Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya akan terus menyumbang secara langsung kepada kejayaan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya kepada kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang berteraskan falsafah

Melayu Islam Beraja yang sama-sama kita cintai.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat kaola sampaikan.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara: Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu usul telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Saya persilakan seorang Ahli Yang Berhormat untuk mencadangkan usul ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara: Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telahpun disokong oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sekarang, saya ingin membukakan supaya usul ini dibahaskan dan saya ingin mengingatkan bahawa setiap ahli adalah diberikan selama 15 minit bagi setiap seorang Ahli Yang Berhormat untuk membuat ucapannya masing-masing.

Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim, (*doa dibaca*) dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan penuh hormat dan takzim kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang menyokong sepenuhnya usul Wawasan Brunei 2035 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Kaola sukacita juga mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan

II di atas mukaddimah serta penjelasan yang begitu komprehensif sebagaimana dalam ketiga buku-buku *blueprint* ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sebagaimana kita sedia maklum, Wawasan Brunei 2035 adalah wahana aspirasi murni, iltizam dan visi strategik bersistematik, berpandangan jauh ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mewujudkan ketahanan nasional yang berpengaruh besar untuk menjamin peningkatan kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin memetik titah-titah baginda yang sangat mustahak untuk kita semua renung dan mengambil iktibar yang berkaitan dengan Usul perbahasan Wawasan Brunei 2035.

Pertama, dengan hasrat wawasan ini adalah dijadikan sebagai carta hala tuju masa depan negara, memandu perancangan yang lebih bersistematik bagi menuju kepada sebuah negara dan mempunyai rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi lagi berjaya, berkualiti dan mempunyai ekonomi yang dinamik lagi berdaya tahan;

Kedua, kejayaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 ini, menuntut

perancangan pembangunan yang teliti, penyelarasan dan pensejajaran yang kukuh serta komitmen tinggi daripada atau kepada semua pihak iaitu juga bergantung kepada pelaksanaan cekap sebagai asas kepada pembangunan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan; dan

Ketiga, tidaklah wajar membiarkan wawasan ini seperti, sebagai satu retorik intelektual semata-mata yang cuma indah dalam sebutan tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi pendapat kaola, cabaran yang dihadapi 10 tahun mendatang menuju ke tahun 2035.

Bagaimanakah peranan dan komitmen bersama, bukan sahaja semua kita yang berada di Dewan Majlis yang mulia ini, malahan melangkaui kesemua *stakeholders* yang berkepentingan khususnya perkhidmatan awam, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan juga semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam menanai dan menjunjung tinggi titah baginda ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam mendukung dan menyokong ketiga-tiga *blueprint*, Alhamdulillah, kaola sendiri telahpun meneliti dan menyelusuri dokumen-dokumen berkenaan di mana hasil penelitian jika diizinkan kaola ingin meng*highlight* beberapa isu sebagai pencambahan

idea serta nilai tambah untuk diambil perhatian dan pertimbangan sewajarnya dalam ikhtiar memperkesakan lagi kerangka ketiga-tiga *blueprint*.

Pertamanya berhubung dengan *Manpower Blueprint*. Antara cabaran dan isu yang telah dikenalpasti adalah untuk menyediakan perancangan bagi 6,000 hingga 7,000 graduan setiap tahun. Merujuk perangkaan Pusat Pekerjaan Brunei mencatatkan seramai 13,710 pencari kerja aktif, setakat 30 Jun 2025. Manakala kadar pengangguran belia adalah 16.8 peratus. Daripada jumlah tersebut seramai 5,033 dikategorikan sebagai pencari pekerjaan graduan Institut Pengajian Tinggi dan mempunyai sekurang-kurangnya *Bachelor's Degree*.

Ini menggambarkan terdapatnya jurang antara sistem pendidikan dan keperluan sebenar industri termasuk program dan kemahiran yang *mismatch*. Persoalan dan cabarannya, adakah telah dilaksanakan pengauditan secara komperhensif terhadap sistem pendidikan dan program-program pengkajian untuk diselaraskan dengan perkembangan dan keperluan industri di negara ini, bukan saja pada masa ini malahan mejangkaui kepada masa akan datang, dalam usaha menangani isu ini ke arah kebolehpasaran yang lebih optimistik?

Adalah dicadangkan, supaya pihak yang berkenaan akan dapat melaksanakan pemantauan *graduate career matching platforms* untuk memperkukuhkan lagi perancangan yang lebih bersistematik

di samping mengenal pasti pelbagai bidang kemahiran yang bersesuaian dalam program-program pengajian dan latihan perantisan, misalnya Program *SkiPPA* atau *i-Ready* seharusnya diselaraskan dengan keperluan industri dalam jurusan tertentu. Mereka yang memenuhi kriteria-kriteria perkhidmatan dari aspek kepakaran serta prestasi perkhidmatan kecemerlangan bolehlah ditawarkan bekerja secara tetap.

Insya Allah, tatacara sedemikian ini boleh menangani *brain drain* sekaligus mengoptimise golongan profesional yang *talented* di samping menjadikan modal insan lebih responsif dengan memujudkan *value-added upskilling* dan *reskilling* program menjurus kepada *result-oriented*.

Manakala menyentuh isu pelajar tercicir dalam sistem pendidikan formal, merujuk *Manpower Blueprint* seramai 3,849 orang bagi tahun 2021 dikategorikan sebagai *unemployed* iaitu *not in employment, education or training*. Mereka ini dikategorikan boleh juga *unproductive*, berisiko menjadi liabiliti serta berkemungkinan mengakibatkan rantaian kemiskinan antara generasi.

Bagi menangani isu ini, ada baiknya diwujudkan kepelbagaian program alternatif seperti kaedah *work-based learning* yang disediakan oleh *stakeholders* berkepentingan, berkolaborasi antara sektor awam khususnya institut pendidikan, industri swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Ini dihasratkan kebolehpasaran pekerjaan yang lebih meluas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai isu sosial pula, mengenai *Social Blueprint*. Apakah usaha pendekatan dalam memperkesakan lagi tatacara pelaksanaan ketiga-tiga *blueprint* khususnya *Social Blueprint* ini ke arah penyerapan dan kepenghayatan bagi menserasikan Maqasid Al-Syariah yang dijadikan sebagai tunjang kepada pengumpulan hasil statistik *blueprint* dan haluan dasar di antara pentadbiran.

Seterusnya, dalam mengukur tahap taraf kehidupan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini, adakah penilaian atau indikator digunakan mengikut garis pandu amalan terbaik piawaian antarabangsa seperti kaedah *Gini coefficient* bagi mengukur jurang agihan *income and wealth distribution* negara? Begitu juga kaedah *Global Multidimensional Poverty Index* daripada pertubuhan *United Nations Development Programme* yang menilai dan mengukur *threshold* atau tahap kemiskinan individu. Tujuannya untuk memperkesakan dengan mengemaskinkan lagi penggubalan dasar dan plan rangka kerja serta program-program berstrategik dan bersistematik, di samping pemantauan rapi bagi menangani isu kemiskinan dan golongan *vulnerable*.

Walaupun pelbagai bentuk bantuan saluran melalui Skim Kebajikan Negara, SKN mahupun pengagihan zakat melalui Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, kebergantungan kepada bantuan kerajaan masih lagi

mencatatkan seramai 7,375 orang daripada 10,041 orang penerima bantuan sehingga April 2024 adalah individu yang dikategorikan *able-bodied* dan *able to work*. Cabarannya, bagaimanakah tatacara lebih efektif selain program-program yang disediakan pada masa ini dalam usaha mengeluarkan golongan tersebut daripada kepompong kemiskinan?

Selain mengikut program-program yang komprehensif, mereka ini juga semestinyalah dipertingkatkan penyerapan semangat berusaha dan bekarih malahan yang lebih penting lagi pada pendapat kaola penghayatan nilai-nilai keugamaan dan kerohanian supaya berjaya menghasilkan sumber pendapatan sehingga behijrah ke *mindset* dan sikap mandiri.

Ini adalah bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, Ayat 11, tafsirannya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan ke suatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri." Malahan insya Allah bukan sahaja sebagai penerima bantuan zakat tetapi juga mungkin akan menjadi seorang muzakki iaitu pemberi zakat sesuai dengan pengajaran dan iktibar dari hadis Rasulullah SAW, riwayat Imam Al-Bukhari: "Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah".

Kejayaan program sedemikian ini, insya Allah menjadi tauladan dan dorongan kepada golongan penerima bantuan dan

zakat sekaligus menjadi masyarakat produktif dan aset bukan lagi sebagai liabiliti negara. Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal perlu juga diserlahkan peranannya secara signifikan ke arah bersama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035. Ini adalah bertepatan dengan peranan dan serta tanggungjawab JUZWAB dalam hal ehwal pengurusan zakat secara teratur dan efisien bagi memperkasakan program kepada golongan asnaf. Di samping itu, mengembangmajukan harta wakaf, menangani kemaslahatan golongan sasaran memantapkan tahap sosioekonomi sekaligus insya Allah boleh menyumbang kepada memperkukuhkan fiskal negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan *Economic Blueprint*, kaola berpandangan apa jua dasar dan peraturan sebelum ianya diperkenalkan, ada baiknya pengkajian dan penyelidikan dilaksanakan terlebih dahulu dengan penuh penelitian dan penganalisaan secara komprehensif di samping melibatkan *stakeholder* berkepentingan bagi mengelakkan sekurang-kurangnya *minimise* risiko yang mungkin berpotensi mendatangkan *negative impact* kepada perkembangan sosioekonomi negara dan mungkin boleh menjadi batu penghalang atau yang bertentangan dengan dasar misalnya daya tarikan pelabur asing, *ease of doing business*, dan persekitaran ekonomi, ekosistem bisnes yang lebih kondusif dan *friendly* di negara ini.

Berdasarkan *statistik Investment Report 2024*, prestasi FDI negara menurun dari *US dollars* 03 daripada 2022 kepada 01 *billion dollars* 2023 yang dianggap terendah di ASEAN. Menyedari akan kepentingan FDI adalah merupakan penyumbang pemacu ekonomi serta mendatangkan *spin-off* dan *multiplier effect* bagi menggerak majukan perkembangan aktiviti ekonomi ke arah yang lebih mantap dan berdaya tahan.

Negara semestilah bertindak secara agresif serta menggorak langkah yang lebih berstrategik, berinovatif, kompetitif untuk menarik lebih ramai lagi pelabur ke negara ini terutama sekali yang berkualiti dan berteknologi tinggi serta mendatangkan impak yang sangat signifikan. Ini antara lainnya menambah baik, mengemaskini dan memperkesakan lagi tatacara pendekatan yang lebih kondusif, bersepadu secara sinergi dalam aspek-aspek seperti berikut;

Pertama, semua agensi-agensi berkepentingan semestinyalah bertindak sebagai pemudah cara dan meningkatkan *efficiency* serta mempercepatkan pemprosesan permohonan;

Kedua, memperbaiki dan mengemaskini pemprosesan yang bertindih-tindih supaya menjurus ke arah *streamline* atau yang lebih baik lagi mewujudkan *one-stop-agency* bagi menyelaraskan dan menyegerakan permohonan;

Ketiga, memperluaskan kemudahan dan mempertingkatkan lagi kualiti dan *efficiency infrastructure* digital, *utility*, *connectivity* dan *accessibility* yang lebih kondusif serta untuk memenuhi keperluan industri;

Keempat, menyediakan sumber tenaga manusia dalam pelbagai kemahiran dan berteknologi tinggi diselaraskan dengan sistem pendidikan tertinggi mengikut piawaian antarabangsa bagi memenuhi keperluan industri; dan

Kelima, kesediaan memenuhi piawaian antarabangsa dan standard negara berkenaan yang membolehkan pengesportan produk tempatan ke luar negeri.

Bagi pendapat kaola, faktor-faktor yang dinyatakan tadi ada juga berkait rapat dalam mematuhi dan memantuni sebagai daya tarikan lebih ramai pengusaha dan peniaga-peniaga kecil dan sederhana sama ada memulakan atau mengembang majukan lagi aktiviti perniagaan di negara ini sejajar dengan *ease of doing business*, and *business environment* and (audio kurang jelas) *eco-friendly*.

Ini termasuklah juga tatacara menambah baik dan mengemaskini menyediakan fasiliti kewangan khususnya PMKS yang masih lagi terhad terutama sekali faedah yang tinggi dan masalah koletral. Pelaburan *research and development* perlu direbiu dan diteliti untuk diperluaskan serta diperkasakan yang mana juga merupakan nadi utama

memacu serta memantapkan dinamik sosioekonomi sesebuah negara.

Antara tujuannya dan nampaknya meningkatkan penggunaan aplikasi berteknologi tinggi seperti digital dan *artificial intelligence* sebagai *value-added* yang berupaya meningkatkan produktiviti serta produk berkualiti, kreatif, inovatif dan berskala besar.

Mewujudkan pelbagai industri aliran sekali gus memperluaskan skop aktiviti perindustrian dan perekonomian. Meningkatkan *knowledge-based economy* dan tahap perkembangan dalam pelbagai kepakaran dan kemahiran. Menjana lebih banyak lagi peluang pekerjaan dalam pelbagai kemahiran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berpandangan prinsip hala tuju kerangka pelan tindakan serta program-program yang digariskan dalam ketiga-tiga *blueprint* ini merangkumi pelbagai aspek untuk diimplementasikan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, dari hasil penelitian kaola, ada baiknya juga diteliti dan diambil perhatian yang boleh dijadikan sebagai *value-added* tatacara memperkesakan serta mengemaskinkan dalam memperkasakan lagi kerangka pemantauan serta pelaksanaan yang lebih *transparent* dan bersistematik.

Pertama, memerlukan pelan tindakan pelaksanaan yang menyeluruh termasuk

penyediaan *milestone time frame*. Izinkan koala meneruskan sedikit lagi Pehin, kalau diizinkan Pehin. (*Yang Berhormat Yang Di-Pertua menganggukkan kepala tanda untuk meneruskan*). Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Kedua, menyediakan *indicator* prestasi utama yang lebih *transparent* untuk dijadikan kayu ukur, *measureable target* dalam menilai tahap pencapaian kesemua sektor;

Ketiga, Merebiu dan mengenal pasti, menganalisa secara bersistematik tahap *mid-term review* atau laporan berkala mengikut *time frame* yang ditetapkan. Ini membolehkan penambahbaikan dasar pelan tindakan inisiatif di samping merungkai penyelesaian masalah yang memastikan pencapaian *target*.

Akhirnya sekali lagi kaola sukacita ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dijadikan pedoman "...kita memerlukan institusi yang kukuh, urus tadbir yang berkesan dan penggunaan data yang menyeluruh sebagai asas perancangan dan keputusan strategik dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035".

Pada kesimpulannya, dalam pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut, apa yang penting, apa yang penting bagi pendapat

kaola adalah peranan kita semua, setiap lapisan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, khususnya *stakeholders* yang berkepentingan semestinyalah bersama-sama bekerjasama dan berhijrah ke arah mentransformasi supaya lebih bekerja keras, lagi penuh bertanggungjawab dengan titih kerja yang murni lagi titih, terpuji, berintegriti dan lutan, berdedikasi, bekerjasama dengan erat lagi padu dalam menjalankan tugas yang diamanahkan secara ukhwah dalam pendekatan *whole of nation approach* berlandaskan Melayu Islam Beraja dalam mendukung dan insya Allah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Amin Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian Wabillahir taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan *extension* masa kepada kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim (*doa dibaca*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bersyukur kita

kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di Dewan yang mulia ini dan kaola merakamkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberikan bagi sama-sama membahas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengenai Wawasan Brunei 2035. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat yang tinggi, marilah kita sama-sama menghayati amanat tersebut dengan penuh iltizam. Sesungguhnya titah tersebut mencerminkan visi kepimpinan baginda yang jauh ke hadapan dalam memastikan kemajuan dan kesejahteraan negara terus tercapai dalam suasana aman, makmur dan berkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Wawasan Brunei 2035 ialah pelan strategik jangka panjang yang dilancarkan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk membentuk masa depan negara yang lebih sejahtera, maju dan berdaya saing.

Ianya dirangka bagi mencapai 3 matlamat utama iaitu; Pertama, rakyat yang berpendidikan dan kemahiran tinggi; Kedua, kualiti hidup yang tinggi; dan Ketiga, ekonomi yang dinamik dan

mampan. Wawasan ini menjadi panduan utama dalam menunjuk tanda aras pembangunan negara menjelang 2035. Namun, dalam mencapai matlamat ini, terdapat beberapa cabaran dan persoalan yang perlu diberikan perhatian agar impian ini tidak hanya kekal di atas kertas. Wawasan Brunei 2035 menekankan keperluan untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa dan masa depan.

Pelaburan besar telah dibuat dalam sektor pendidikan termasuk penambahbaikan kurikulum, penyediaan kemudahan moden dan program latihan teknikal. Namun begitu, persoalan timbul adakah sektor swasta dan kerajaan mampu menyerap graduan yang berkemahiran tinggi?

Kedua, jika rakyat dilatih tetapi tiada peluang pekerjaan yang sesuai, adakah ini akan menimbulkan masalah pengangguran terlatih atau penghijrahan tenaga kerja keluar negara? Walaupun rakyat lebih terlatih, sektor seperti pembinaan dan perkhidmatan masih bergantung kepada pekerja asing kerana kekurangan minat rakyat tempatan. Ini menunjukkan bahawa latihan semata-mata tidak mencukupi tanpa disertai dengan peluang pekerjaan yang relevan dan menarik kepada rakyat tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Salah satu sasaran utama Wawasan 2035 ialah memastikan rakyat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan sihat. Ini

melibatkan peningkatan dalam sistem kesihatan, perumahan, pengangkutan awam dan penjagaan sosial. Usaha ini penting untuk memastikan keharmonian dan kestabilan sosial negara. Namun demikian, masyarakat masih belum merasai kesan menyeluruh usaha ini dan beberapa persoalan wajar diketengahkan. Adakah sistem pengangkutan awam benar-benar menyediakan pilihan yang selamat, murah dan mudah diakses oleh semua?

Program perumahan mungkin wujud tetapi bagaimana dengan soal kelayakan, kos penyelenggaraan dan tempoh menunggu? Adakah sistem pemilihan untuk mendapatkan rumah kerajaan telus dan adil? Adakah bantuan kebajikan bersifat jangka pendek semata-mata atau menyumbang kepada pembebasan daripada kemiskinan secara jangka masa panjang? Kesemua ini menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar perlu bersifat inklusif, saksama dan berkesan agar matlamat meningkatkan kualiti hidup rakyat benar-benar tercapai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Wawasan ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan Brunei terhadap hasil minyak dan gas dengan mempelbagaikan sektor ekonomi serta pelancongan, pertanian moden, teknologi dan kewangan Islam. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan menjamin kestabilan ekonomi jangka masa panjang. Namun, terdapat beberapa persoalan penting, adakah sektor-sektor baru ini benar-benar

mampu menggantikan dominasi sektor minyak dan gas?

Adakah rakyat bersedia berminat dan cukup dilatih untuk menceburi bidang-bidang baharu seperti teknologi dan pertanian moden? Adakah sokongan kerajaan dan infrastruktur cukup untuk menjadikan sektor-sektor ini berdaya saing di peringkat antarabangsa? Ini menunjukkan bahawa usaha mempelbagaikan ekonomi perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan disokong dengan dasar, latihan dan pelaburan jangka panjang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika semua rakyat Negara Brunei Darussalam memainkan peranan masing-masing, matlamat Wawasan Brunei 2035 bukan sahaja boleh dicapai malah boleh meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang cemerlang dan dihormati di peringkat antarabangsa.

Namun, kejayaan sebenar bergantung kepada pelaksanaan yang adil, inklusif dan lestari serta penyelesaian terhadap persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan. Dengan ilmu, semangat kerjasama dan kepimpinan yang bijaksana, negara Brunei pasti dapat melangkah ke hadapan menuju masa depan yang lebih gemilang.

Sekian daripada kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Terlebih dahulu, izinkan kaola merakamkan penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi laluan kepada kaola untuk turut sama menyokong Usul Wawasan Brunei 2035 seperti yang dibawakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Terima kasih juga di atas penerangan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Usul yang dibentangkan dan usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai wawasan ini.

Pada pengamatan kaola, kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya Usul ini dibahaskan di Dewan yang mulia ini, mencerminkan keyakinan dan kepercayaan baginda terhadap peranan

Dewan ini sebagai medan percambahan fikiran bagi mengetengahkan isu-isu semasa yang melibatkan kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat yang memerlukan kerjasama yang kukuh, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak.

Ianya juga menggambarkan hasrat serta harapan tinggi baginda yang Dewan ini akan menghasilkan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat wawasan lebih-lebih lagi dalam suasana politik dan sosial ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal.

Wawasan Brunei 2035 yang diilhamkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada hemat kaola menjadikan ia bukan saja sebagai dasar rasmi, malahan juga merupakan cerminan hasrat dan iltizam baginda dalam gagasan masa depan negara yang berterusan makmur dan gemilang. Didukung oleh rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran dengan ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan inklusif.

Titah baginda sempana hari puja usia baginda ke-79 tahun pada 15 Julai 2025 yang lalu yang menggariskan beberapa inisiatif berkeutamaan baru setentunya memberikan impak yang positif pada pembangunan negara selaras dengan perubahan landskap sosial dan keperluan semasa. Ini adalah isyarat jelas bahawa

negara sentiasa bersedia menyesuaikan dasar-dasar dengan tuntutan zaman dan teknologi tanpa mengabaikan nilai-nilai murni sebagai sebuah negara zikir yang berpaksikan amalan Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah di atas penggubalan tiga buah *blueprint* sebagai panduan kepada pihak berkepentingan untuk mengembangkannya negara. Kaola penuh yakin penerbitan ketiga-tiga *blueprint* ini Insya Allah akan mampu mempercepatkan lagi pelaksanaan program-program yang dirancang dengan lebih teratur dan terarah.

Untuk itu, izinkanlah kaola untuk memberi sedikit pandangan dan saranan sebagai nilai tambah bagi menyokong Usul Wawasan Brunei 2035. Pandangan kaola ini mengambil kira maklum balas dari orang ramai termasuk masyarakat perniagaan PMKS dan perusahaan belia. Ianya sangat berkait langsung dengan isu pekerjaan, pembasmian kemiskinan, kos sara hidup, *cost of doing business* yang kesemuanya melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Enam aspirasi dan hala tuju dasar yang dibentangkan dalam *Economic Blueprint* ini, kaola rasa adalah sudah cukup luas untuk diterokai oleh para usahawan bagi memajukan perniagaan mereka terutamanya yang memanfaatkan teknologi dan inovasi. Namun bagi memastikan keberkesanannya, kaola

berpendapat setiap *blueprint* harus disertai dengan pelan tindakan pelan jalan yang lebih terperinci supaya ianya akan menjadi *living document* bagi memudahkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk menyambut baik dan melibatkan diri secara aktif dan mencapai sasaran wawasan ini. Sinergi, koordinasi, *alignment* dan intergrasi yang rapi antara agensi pelaksana akan mempercepatkan proses membuat keputusan dan memperkukuhkan keyakinan semua pihak untuk menyumbang sama ke arah pencapaian matlamat yang disasarkan. Ini diharapkan akan bertindak memperbaiki ekosistem perniagaan secara holistik.

Kaola menyedari bahawa banyak usaha telah pun dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkepentingan dalam memperkesakan ekosistem perniagaan pada ketika ini. Namun keberkesanan penuh inisiatif ini hanya akan dicapai dengan kerjasama semua pihak. Justeru, kaola menyarankan agar proses ini disemak semula secara menyeluruh bagi memastikan ekosistem ini bukan sahaja telus dan cekap tetapi mesra perniagaan pelaburan serta menyokong pertumbuhan peniaga tempatan terutama PMKS.

Dengan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif dan pro-bisnes, ianya dijangka memperbanyakkan lagi peluang perniagaan perusahaan domestik, perdagangan, perkhidmatan dan sekali gus menarik lebih banyak *FDI* baru ke negara ini. Ini insya Allah, akan membuka lebih banyak peluang

pekerjaan yang baru dan berkualiti yang diharap akan mengurangkan kadar pengangguran, *labour under-utilisation* dan bilangan rakyat yang tergolong dalam kategori kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi mencapai hala tuju yang disasarkan, pada pendapat kaola, dasar dan perancangan yang dibentangkan perlulah dimantapkan dalam sistem pelaksanaan, *delivery system* dan sistem pemantauan yang cekap dan berkesan.

Sistem pencapaian perlu bersifat tangkas, responsif dan berorientasikan penyelesaian. Setiap strategi perlu didukung oleh sasaran yang boleh diukur, *milestones* yang jelas dan dilengkapi dengan *indicator* kejayaan. Ianya juga perlu dinilai secara objektif dan berterusan bagi menyukat impak sebenarnya *on-the-ground*.

Kaola rasa cabaran ini bukanlah semata-mata akan dapat diselesaikan hanya dengan pengenalan teknologi atau transformasi digital yang pantas dan canggih sahaja, ianya juga memerlukan kita mengungkap seluruh isu ini dan perubahan minda, sikap dan komitmen dalam kita melaksanakan tanggungjawab dan amanah kita semua. Ke arah itu, *Standard Operating Procedure* dan komunikasi antara agensi pelaksana perlulah jelas, sejajar dan *transparent*. Kaola memang menyedari bahawa banyak inisiatif telahpun diusahakan ke arah memperkesakan dan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam. Namun begitu,

realitinya kita masih mendengar keluhan dari orang ramai mengenai prosedur yang memakan masa serta tidak keseragaman dalam pemprosesan.

Ke arah itu, penjawat awam sebagai tulang belakang pelaksanaan dasar negara perlu terus diperkasa dengan latihan budaya kerja yang progresif dan kesediaan untuk menerima perubahan agar mampu memudah cara dan mempercepatkan urusan rakyat dengan lebih efisien.

Pengemaskinian dan penilaian *Civil Service Framework* harus dilaksanakan secara berterusan. Ianya juga perlu disokong dengan kerangka pembangunan sumber manusia yang kukuh yang memuatkan pengenalpastian *talent*, *succession planning*, mengukuhkan bakat kepimpinan serta pengukuhan budaya kerja berintegriti dan profesionalisma. Perkhidmatan awam yang progresif akan mampu menghasilkan lebih banyak lagi pegawai-pegawai yang cemerlang dan berwibawa yang akan menjadi *future leaders* yang akan bertindak menjadi pemangkin ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 secara bersepadu dan *coordinated*, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam perbahasan Belanjawan 2025/2026 yang lalu, kaola telah menyarankan keperluan untuk mengaktifkan kemudahan *Strategic Development Capital* dan sebahagian *reserve fund* negara bagi pelaburan domestik sebagai perangsang aktiviti

perekonomian tempatan serta penarikan *FDI*.

Dana ini boleh saja ditumpukan bagi pelaburan domestik yang strategik terutamanya di dalam sektor bukan minyak dan gas seperti teknologi hijau, industri halal, *fintech* dan kewangan Islam, pelancongan eksklusif dan pertanian pintar. Pasaran global halal dan pelancongan, misalnya menawarkan peluang besar dan harus diterokai secara agresif dan tersusun.

Begitu juga bagi industri IT dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan yang sekarang menjadi salah satu penyumbang pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara di rantau ini. Untuk itu, pelan transformasi digital bagi menjadikan negara sebagai *Connected Smart Nation* termasuk yang mengetengahkan potensi *Artificial Intelligence*, AI dalam berbagai sektor seperti yang dititahkan baru-baru ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, harus dipercepatkan pelaksanaannya, lebih-lebih lagi bagi meraih faedah dari penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi yang akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2026.

Pelaburan dalam sektor-sektor ini bukan sahaja akan mempelbagaikan ekonomi malahan akan meluaskan lagi asas pendapatan negara di samping membuka peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan khususnya golongan muda. Ini, insya Allah akan mampu memenuhi aspirasi

bukan sahaja bagi menghasilkan rakyat yang berkemahiran, adaptif dan inovatif malahan yang mandiri, berdaya tahan dan siap siaga masa depan, *future-ready* tanpa membelakangkan nilai-nilai kerohanian dan ukhrawi serta amalan Melayu Islam Beraja negara. Langkah ini juga diharap akan merealisasikan aspirasi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hab pelaburan dan perdagangan dan menarik *FDIs* dengan rangkaian pasaran yang mantap.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyambut baik usaha pihak DARE, BEDB dalam menyediakan tapak-tapak industri dan perniagaan di negara ini. Namun sebilangan tapak industri ini masih perlu dinaikkan tarafnya supaya ianya *industry-ready* dan berdaya saing. Untuk menjamin kesinambungan dan impak jangka panjang, pembangunan ini perlu didasari oleh dasar industri yang menyeluruh. Ke arah itu, *Integrated Industrial Policy*, *IIP* yang sedia ada harus diperkemaskan lagi supaya ia akan lebih komprehensif, kompetitif, responsif dan *affordable* serta dilengkapi dengan kajian pasaran serta analisa kebolehlaksanaan.

Dalam aspek ini, kaola turut menyarankan supaya diteliti kemungkinan untuk mewujudkan *Free Economic Zone* ataupun *Free Trade Zone* dengan peraturan yang *favourable* sebagai pemacu dan pemangkin pertumbuhan industri strategik negara berasaskan kluster-kluster yang telah dikenal pasti. Bagi menggalakkan penglibatan pengusaha tempatan terutamanya PMKS, program *Local*

Business Development juga perlu diperluaskan sebagai langkah untuk meraih *spin-off* dari aktiviti-aktiviti ekonomi ini.

Di sinilah juga pentingnya peranan institusi kewangan domestik sebagai penggalak ke arah mengaktifkan penglibatan pengusaha tempatan secara spesifik. Laporan Bank Pusat Brunei bagi tahun 2024 menunjukkan sebahagian besar simpanan dalam industri kewangan di negara ini masih belum banyak dimanfaatkan untuk pelaburan dalam sektor ekonomi sebenar, *real sector*.

Ke arah itu, kaola ingin menyarankan supaya peraturan mengawal institusi kewangan negara akan diteliti semula dan dikemaskinikan agar ianya lebih inklusif dan proaktif dalam menyokong pertumbuhan perniagaan bagi membantu perkembangan ekonomi domestik secara meluas.

Cadangan ini kaola ajukan kerana dalam sesi perjumpaan dengan pengusaha tempatan termasuk *Young Entrepreneurs Association of Brunei*, kita bersyukur dan turut berbangga dengan peningkatan penglibatan belia dalam bidang perniagaan. Perusahaan belia ini banyak yang telah berani meneroka bidang-bidang baharu misalnya bidang perekonomian digital, inovasi sosial, agribisnes, *aquaculture*, industri kreatif, perisian, hartanah dan sebagainya. Cuma cabaran yang mereka hadapi ialah kesukaran untuk mendapatkan akses

kepada kewangan dan *upgrading* kemahiran mereka.

Kaola menyedari bahawa memang telah terdapat beberapa skim yang telah disediakan untuk membantu belia-belia ini. Namun usahawan muda ini masih lagi bergelut dengan isu mengadakan dan memenuhi jaminan, *collateral* bagi pinjaman mereka dengan kadar faedah keuntungan yang berpatutan.

Ke arah itu, salah satu opsyen yang boleh diterokai ialah kemungkinan fungsi Bank Usahawan yang sedia ada akan dikemaskinikan bagi menghulurkan pembiayaan tersasar kepada usahawan muda dan *start-up* tempatan termasuk dalam memberikan bimbingan kemahiran PMKS secara menyeluruh dengan kadar keuntungan yang berpatutan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha kita menunaikan Wawasan Brunei 2035, kaola menyokong sepenuhnya usaha kerajaan dalam mengamalkan pendekatan senegara *whole of nation approach*. Alhamdulillah, pendekatan ini memang sangat perlu untuk membantu meningkatkan *inclusivity* dalam membuat sebarang penggubalan dasar dan peraturan.

Walaupun amalan ini telah dilaksanakan dalam beberapa keadaan, pada hemat kaola ianya masih bersesuaian untuk diperluaskan lagi, memandangkan kesan positifnya dalam penggubalan dasar dan peraturan yang dirancang. Penglibatan

pihak yang berkepentingan terutamanya dari *market industrial players* serta golongan profesional akan memperkayakan dasar-dasar negara dengan pandangan pelbagai sektor dan latar belakang. Ianya bukan saja akan memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan semasa *on-the-ground* malahan ianya juga akan bertindak mengukuhkan tadbir urus yakni *governance*.

Walau bagaimanapun, kriteria lantikan perlulah dikukuhkan berdasarkan *merit*, integriti dan profesionalisme. Tidak kurang pentingnya juga ialah penyebaran yang komprehensif, *transparent* dan serta berterusan terhadap inisiatif kerajaan. Pemberitaan ini dihasratkan untuk memberikan perspektif yang betul, positif dan jelas terhadap usaha dan inisiatif kerajaan.

Ke arah itu, peranan media rasmi adalah perlu dimantapkan agar rakyat memahami rasional di sebalik sesuatu dasar dan tidak mudah terpengaruh dengan maklumat yang tidak tepat. Media yang berwibawa akan menjadi jambatan antara kerajaan dan rakyat memupuk kepercayaan dan sokongan berterusan terhadap terhadap dasar negara. Ianya memainkan peranan strategik dalam membina imej positif negara menarik lebih banyak lagi penyertaan rakyat dan penduduk serta pelabur dan pelancong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekianlah saja pandangan ringkas kaola sebagai input bagi menyokong usul

Wawasan Brunei 2035. Kaola percaya bahawa Wawasan Brunei 2035 ini semakin penting dalam mendapani cabaran dunia yang kian kompleks.

Apa yang utama ialah kesungguhan kolektif, koordinasi yang mantap serta semangat yang muafakat seluruh rakyat dan penduduk ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 ini supaya negara akan sentiasa menjadi negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur yang sejahtera lagi bahagia di bawah pemeliharaan Allah dan rakyat dan penduduknya sentiasa dalam kedamaian, kesejahteraan di bawah pimpinan bijaksana berwawasan dan prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan izin Allah dan semangat kesepekatan kesepaduan, kaola penuh yakin bukan kita mampu mencapai Wawasan 2035 ini malah kita dapat melakukannya dengan penuh berhemah, bermaruah, berdaya bersaing dan berdaya tahan, Insya Allah.

Semoga negara akan sentiasa meraih keberkatan, mendapat petunjuk serta hidayah, berterusan dikurniakan kemakmuran, keamanan dan keselamatan di bawah perlindungan Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pemelihara.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah Assalamualaikum Warahmatullah. Kaola mohon maaf Pehin, kerana mengambil masa yang lebih dari 15 minit dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih ke

atas kelonggaran Yang Berhormat Pehin berikan. Terima kasih Pehin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:

Terima Kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim (*doa dibaca*).
Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Awal kalam, kaola mulakan dengan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk kaola turut serta membahaskan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II berkenaan dengan Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyambut baik dan menyokong penuh usul tersebut yang bagi kaola sangat relevan kerana Wawasan Brunei 2035 bukan sekadar dokumen aspirasi yang dibayang-bayangkan tetapi adalah hala tuju strategik negara untuk dinikmati oleh semua rakyat. Pelaksanaannya menuntut pendekatan bersepadu berasaskan data penilaian impak dan transformasi sistem pentadbiran serta sosial.

Dalam kesempatan ini, kaola juga menghargai kesungguhan Yang Berhormat Menteri-Menteri dan semua pihak yang terlibat menyediakan dokumen-dokumen *Blueprint* yang ada dan melaksanakan pelan-pelan tindakan strategik negara dalam usaha mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kurang sepuluh tahun dari sekarang kita akan memasuki tahun 2035. Tahun sasaran untuk merealisasikan ketiga-tiga matlamat Wawasan Negara. Keutamaan kita sekarang ialah memastikan matlamat ini menjadi kenyataan untuk dirasakan oleh semua rakyat dan tidak hanya berlalu sebagai ristaan semata-mata. Ke arah itu, tiga asas penting yang mesti diperkukuh iaitu Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan berintegriti, prasarana yang mantap dan masyarakat yang bersatu padu sebagai teras kekuatan sosial dan pemangkin kemajuan yang inklusif dan berdaya tahan.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola membahaskan mengenai pemeraksanaan kecemerlangan Perkhidmatan Awam dan membasmi kemiskinan dan kebergantungan berterusan kepada bantuan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Perkhidmatan Awam bukan sekadar pelaksana dasar tetapi wajah kerajaan kepada rakyat dan nadi penggerak pentadbiran negara. Tanpa penyampaian yang efisien dan responsif, dasar atau pelan terbaik sekalipun tidak akan memberikan kesan kepada rakyat malah ada yang mengecewakan rakyat.

Oleh itu, Perkhidmatan Awam mestilah mencapai tahap tertinggi dari segi kecekapan, integriti dan daya saing. Kaola mengambil maklum statistik Penggredan Prestasi Sektor Awam, 3PSA sehingga Tahun Kewangan 2023/2024 menunjukkan penurunan yang mana dua agensi mencapai tahap empat bintang sangat baik, enam agensi mencapai tiga bintang atau tahap baik, empat belas agensi mendapat dua bintang iaitu memuaskan dan dua puluh enam agensi mendapat satu bintang iaitu memerlukan pembaikan.

Adakah dilaksanakan penilaian ke atas keberkesanan strategi yang ada dan punca penurunan ini? Dan apakah pelan tindakan seterusnya untuk memastikan kualiti perkhidmatan negara ini di tahap cemerlang sebelum kita sampai ke tahun 2035? Alhamdulillah, kaola menghargai usaha kerajaan untuk terus meningkatkan kualiti dan Perkhidmatan Awam di negara ini. Kaola berharap pelan pemodenan Perkhidmatan Awam akan menutup jurang antara dasar yang digubal dengan penyampaian dan realiti kehidupan rakyat yang sering kali menjadi cabaran kepada rakyat ketika berhadapan dengan Perkhidmatan Awam negara.

Kaola kongsi antara keluhan yang sering didengar di media-media sosial dan di dalam perkumpulan-perkumpulan ialah seperti birokrasi yang meluas, maklumat yang sukar untuk diakses, sistem yang tidak mesra pengguna sama ada ia fizikal ataupun digital

terutamanya bagi golongan rentan ataupun *vulnerable group*. Dan kurang atau ketiadaan integrasi sistem dan proses antara kementerian ataupun agensi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkhidmatan yang cemerlang bukan satu pilihan, ia adalah kemestian dalam pentadbiran sesebuah negara. Oleh itu, dalam usaha kerajaan untuk mentransformasikan penyampaian dasar dalam Perkhidmatan Awam negara secara berkesan, kaola ingin menambah beberapa cadangan daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Iaitu antaranya mengadakan reformasi budaya kerja penjawat awam untuk menanamkan ataupun dengan menanamkan etika 'Penjawat Awam Adalah Pemudah Cara', berkhidmat untuk rakyat dan bersedia memberikan yang terbaik.

Seterusnya memperkukuh kaedah penilaian program 3PSA termasuk melaksanakan pemeriksaan merentas agensi atau *cross-agency health check*. Memperkenalkan pemantauan berasaskan hasil dan produktiviti, mewujudkan *dashboard* prestasi agensi secara terbuka dalam *website* kementerian yang boleh diakses. Memperkasa peranan Jabatan Pengurusan Perkhidmatan dan Institut Perkhidmatan Awam selaras dengan misi dan visinya sebagai institusi kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung ke arah pembangunan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Pendigitalan ataupun e-perkhidmatan hendaklah mesra dan *inclusive*, mudah, ringkas dan boleh diakses oleh semua peringkat masyarakat. Kaola menyambut baik inisiatif kerajaan untuk memperkukuh sistem penilaian prestasi penjawat awam berasaskan impak dan hasil kerja serta memperkenalkan mekanisme maklum balas rakyat sebagai *input* untuk menambah baik dasar-dasar dalam perkhidmatan.

Inisiatif ini membuktikan kesediaan kerajaan untuk bertindak dengan lebih telus dalam penyampaian perkhidmatan. Kaola tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai dengan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* dalam perkhidmatan. Harapan kaola pendekatan-pendekatan ini diterjemahkan sepenuhnya dalam operasi perkhidmatan awam secara praktikal dan berkesan dengan mengkoordinasikan perkhidmatan-perkhidmatan berpusat merentas kementerian bagi mempercepatkan proses dan mengurangkan birokrasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perlu kita sedari bahawa tidak semua rakyat menilai dasar melalui dokumen tetapi lebih ramai yang menilai melalui pengalaman mereka di kaunter-kaunter, portal digital dan di dalam komunikasi mereka dengan pihak kerajaan ataupun penjawat awam. Apa yang diharapkan dengan adanya pelan pemodenan perkhidmatan awam itu tadi harapan kita adalah untuk melihat perubahan tanpa mengira status yang bertanggungjawab,

dengan niat untuk menyampaikan dasar dan perkhidmatan yang cekap dan bekasan serta berintegriti kita mesti melaksanakannya dengan satu suara, satu sistem dan satu hati.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya *Social Blueprint Brunei Darussalam* mendedahkan sehingga April 2024, lebih 10 ribu rakyat menerima bantuan bulanan dan 73 peratus daripadanya adalah individu sihat dan berupaya untuk bekerja. Kebergantungan ini dikenal pasti bukan sekadar kekurangan pendapatan tetapi juga disebabkan cabaran struktur dan sosial lain seperti penjagaan anak, pengangkutan, kurang kemahiran kerja dan ditambah lagi dengan persepsi dan *mindset* yang terbentuk dari pengalaman hidup dalam situasi rentan yang berpanjangan. Persoalannya sejauh manakah pendekatan yang ada benar-benar menyokong mobiliti sosial dan bukannya sekadar menguruskan keperluan jangka pendek? Adakah dibuat penilaian mengenainya?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengambil maklum fungsi Sistem Kebajikan Negara, SKN dalam mensejajarkan proses pemberian bantuan dan memudahkan pemprosesan permohonan secara sistematik, namun SKN berpotensi untuk diperkukuh dengan penaiktarafan sistem dan transformasi kepada SKN 2.0 dan sebagainya.

Sebagai sistem digital bersepadu yang lebih strategik dan responsif sebagai

kerangka pemantauan dasar yang menyeluruh dan menekankan kebudayaan serta mengelak budaya kebergantungan kepada bantuan berterusan. Penaiktarafan merangkumi mengadakan pemprofilan sosial dan pengkategorian menyeluruh berasaskan pendapatan, kemahiran, minat, tanggungjawab keluarga dan kesediaan bekerja dan mengenal pasti intervensi selaras dengan realiti hidup penerima.

Memperkenalkan modal-modal pekerjaan dan kemudahan-kemudahan prasarana yang sesuai dengan keperluan individu dan situasi hidup mereka seperti memperkenalkan *flexible working hours* kepada penjawat awam khususnya golongan rentan seperti wanita, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Mewujudkan *social mobility dashboard* untuk menjejak perubahan status sosial individu secara masa nyata serta menilai keberkesanan intervensi secara berterusan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Peranan Majlis Kebangsaan Isu Sosial, MKIS sebagai jawatankuasa di peringkat kebangsaan yang menangani isu-isu sosial di negara ini juga amat penting dan berpotensi diperkasakan sebagai pusat rujukan nasional bagi cabaran-cabaran sosial kebangsaan dengan melibatkan pihak swasta, NGO dan para ilmuwan serta orang-orang berkepentingan mengikut keahliannya dan diberikan mandat yang lebih kukuh serta sumber yang mencukupi untuk menyelaraskan pelaksanaan SKN dan memantau impak program bantuan, mewujudkan platform

libat urus bersama masyarakat untuk memperluas jaringan sosial seperti *Portal Digital Interactive*, Majlis Dialog dan Forum Komuniti. Menubuhkan pusat pemeraksanaan komuniti di peringkat daerah atau mukim sebagai pusat sehati yang menawarkan latihan, kaunseling kerjaya dan sokongan-sokongan seperti penjagaan anak.

Memperkenalkan sistem pelaporan sosial yang telus kepada masyarakat termasuk statistik jenayah, jenis kes, lokasi dan *trend* semasa tanpa menjejaskan maruah individu dan memperkenalkan program atau modal "*graduation*" iaitu laluan keluar daripada bantuan dengan insentif permulaan seperti subsidi gaji sementara untuk tempoh tertentu dan pinjaman mikro atau akaun simpanan sosial.

MKIS juga hendaklah mengambil perhatian berat terhadap peningkatan isu-isu sosial yang semakin ketara dengan statistik yang sangat membimbangkan iaitu kadar pengulangan jenayah banduan meningkat 14.6 peratus, 60 peratus pesalah dadah adalah pesalah berulang dan 52 peratus daripadanya tidak bekerja. Jenayah siber mencatatkan 1,127 kes pada tahun 2022, kes HIV yang meningkat sehingga 98 peratus antara tahun 2019 hingga 2023 yang kebanyakannya lelaki.

Kelahiran anak luar nikah dalam kalangan Melayu Islam mencatatkan peningkatan sebanyak 72 peratus dan juga *trend* pengabaian orang tua.

Pendekatan bersepadu amat diperlukan, merangkumi intervensi sosial penguatkuasaan undang-undang sivil dan syarie penglibatan aktif pemimpin-pemimpin akar umbi iaitu penghulu dan ketua kampung, masyarakat awam dan melalui pengahayatan nilai-nilai MIB. Sinergi semua institusi-institusi ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan pentadbiran dan mempercepatkan pemulihan sosial tetapi juga mencerminkan komitmen negara terhadap keadilan, *inclusivity* dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Kaola mohon menutup perbahasan ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sebagai penutup, bangsa Brunei cemerlang bukan sekadar cita-cita, ia adalah kenyataan yang dibentuk melalui sistem yang harus dihidupkan sebagai agenda nasional yang menyatukan seluruh rakyat dan membina masa depan negara yang lebih cemerlang, adil dan mampan. Wawasan Brunei 2035 mesti diterjemahkan melalui pelaksanaan dasar bersepadu semua pihak berpandukan garis masa penyampaian perkhidmatan dan pemantauan jurang sosial yang telus, *inclusive* dan berimpak tinggi. Dalam hal ini, kaola yakin Pejabat Wawasan di Jabatan Perdana Menteri juga memainkan peranan yang sangat penting sebagai penyelarasan utama dasar dan aspirasi negara. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Muafakat membawa berkat. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

What a pleasant surprise. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih atas peluang yang diberikan pada kaola untuk menyampaikan pandangan dalam perbahasan yang amat penting ini. Terlebih dahulu kaola ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada kementerian-kementerian dan warga kerja Jawatankuasa Wawasan atas segala usaha dan komitmen dan kerja keras yang telah ditunjukkan untuk melaksanakan pelan-pelan strategik negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 amatlah dihargai.

Kaola menyokong penuh Usul yang telah dibentangkan dan dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin. Kaola menjunjung kasih ruang dan peluang yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan perbahasan terbuka ini dengan semangat ingin menambahbaik lagi dasar dan pelaksanaan undang-undang agar selaras dengan realiti rakyat dan harapan negara.

Dengan hanya sembilan tahun berbaki menjelang tahun 2035, satu persoalan utama sering timbul daripada rakyat bilakah hasil nyata daripada segala pelan dan inisiatif yang dirangka akan benar-benar dapat dirasai dalam kehidupan seharian mereka. Banyak yang berpendapat, walaupun ada beberapa pelan tindakan kelihatan lengkap namun pencapaian masih belum sepenuhnya memenuhi harapan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berpendapat bahawa untuk mencapai matlamat besar Wawasan 2035, keperluan asas rakyat tidak boleh dipinggirkan seperti yang digariskan dalam Hierarki Keperluan *Maslow*, *Maslow Hierarchy of Needs* di mana kehendak kelangsungan hidup, *survival ability* mesti dipenuhi dahulu, kemudian keperluan *comfort*, keselesaan barulah apabila kedua keperluan asas ini disantuni, barulah pencapaian *self-actualisation* dapat dicapai secara menyeluruh.

Aspirasi tinggi tidak akan, maaf tertutup. *That is when we use a laptop and your hands are free.* Aspirasi tinggi tidak akan mencapai makna dan tercapai selagi masih ramai rakyat bergelut dengan keperluan asas. Contohnya, apakah erti pencapaian akademik jika 1,000 ke 1,500 pelajar setiap tahun keluar persekolahan masih belum mampu membaca dan mengira dengan baik. Dan hanya 35% anak kitani setiap tahun mencapai lulusan 'O' level untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi. Demi mencapai matlamat wawasan nombor

satu iaitu *Educated, Highly Skilled and Accomplished People* perlu disertai dengan hasil yang inklusif dengan memastikan pelajaran asas menyeluruh dan tiada anak yang tercicir.

Pembelajaran lanjutan bukan hanya memberi peluang belajar ke universiti tetapi memastikan *graduan* ada peluang kerja dan upah yang setimpal. Kaola merasa kasihan dan prihatin sebab ada *graduan-graduan* kita, anak bangsa kita dari universiti-universiti ternama di dunia seperti *Cambridge, Oxford, Al-Azhar* dan seumpamanya masih tidak mempunyai pekerjaan atau pekerjaan dalam jurusan yang diikuti atau tidak menerima upah yang sewajarnya.

Dalam ekonomi, kaola mengambil maklum dalam cabaran suasana ekonomi semasa negara masih dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang sangat memberangsangkan. Malangnya, perkembangan ekonomi dalam negara didominasi dengan 75 ribu pekerja asing dalam pasaran buruh yang menyukarkan mobiliti kerjaya rakyat tempatan. Terdapat 14 ribu anak tempatan menganggur, manakala 32,600 rakyat dalam kategori *under-utilised*, termasuk lebih 3 ribu *graduan* yang masih belum menembusi pasaran kerja yang bersesuaian.

Begitu juga dengan pertumbuhan ekonomi, kita mengalu-alukan kestabilan mikroekonomi tetapi limpahan kekayaan benar-benar belum sampai kepada rakyat. Ramai pengusaha tempatan masih menghadapi cabaran dari segi aliran tunai, *cashflow* sebab bayaran

tertunggak dan akses pasaran dan pinjaman dana tersekat. Sementara manfaat pelaburan cenderung berpusat kepada segelintir pihak sahaja.

Dalam mengejar agenda keusahawanan dan mempelbagaikan ekonomi pula, kalau dulu fenomena Ali Baba kerap terdengar di kalangan pengusaha-pengusaha tender kerajaan, kini fenomena Ali Chandran warga asing semakin berleluasa dalam sektor runcit, sektor pembinaan, sektor pertanian dan sektor-sektor lainnya. Ini menimbulkan kebimbangan rakyat jika fenomena ini tidak dipantau oleh agensi yang tertentu, sektor ini akan terus didominasi oleh orang asing dan rakyat tidak akan dapat tempat dalam rantai ekonomi dalam negeri sendiri.

Kaola percaya kita boleh mengubah trajektori ini. Dengan dasar yang lebih strategik berfokuskan kepada rakyat dan mengambil maklum balas dari rakyat. Kita boleh memastikan penyampaian yang lebih tangkas, kita perlu mengadakan ruang yang lebih kondusif dan jika perlu khas, *exclusive* untuk rakyat tempatan bersaing secara sihat di antara mereka dan apabila ekonomi pula sihat, berdaya saing secara terbuka dalam sektor ekonomi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam sektor halal pula, di manakah silangnya yang sepatutnya menjadi antara contoh kekuatan strategik negara berpandukan nilai-nilai Islam tetapi hakikatnya pengeluaran sijil halal masih perlahan dan kekurangan dari segi pemantauan menimbulkan persoalan tentang

kredibilitinya. Kaola cadangkan agar kita lebih aktif melibatkan ilmuan syariah yang banyak masih belum mempunyai pekerjaan diserapkan dalam industri halal, bukan hanya sebagai penasihat tetapi sebagai rakan strategik dalam inovasi pengesahan dan pemantauan. Penglibatan mereka juga penting dalam menetapkan piawaian yang bersesuaian dengan perkembangan industri moden dan memacu pensijilan yang lebih efisien dan diyakini.

Namun demikian keutamaan tidak harus terhenti pada sektor halal semata-mata, prinsip yang sama ialah mengenal pasti kekuatan dalaman, *to play to our strength*. Negara perlu digunakan untuk meneroka bidang-bidang secara strategik dan inklusif. Pendekatan ini akan memastikan dasar *diversification* benar-benar berpijak di bumi nyata berasaskan sumber kapasiti dan keunikan Brunei.

Dalam bidang kebajikan, di sebalik negara terkenal dengan julukan negara kaya dan GDP antara tertinggi di ASEAN, kaola terharu dengan data bahawa penerima bantuan skim-skim kebajikan negara meningkat dari 20,750 penerima pada tahun 2012 kepada 56,000 penerima pemohon menulis SKN menjelang Mei 2024. Kerajaan masih prihatin dan rakyat menghargai bantuan yang diberikan. Namun data menunjukkan daripada 10,041 penerima bantuan terkini, lebih 70 peratus daripada penerima adalah golongan-golongan yang masih sihat dan berkeupayaan, *able-bodied*. Walhal

masih ada warga emas dan balu yang hidup terpinggir di bawah paras kemiskinan yang hanya bergantung pada pencen tua.

Ini menunjukkan perlunya dasar bantuan kebajikan bersyarat yang mampu menggalakkan penyertaan aktif dalam masyarakat sambil memberi perlindungan pada yang benar-benar memerlukan. Kaola mencadangkan agar golongan-golongan yang berkeupayaan, *able-bodied* ini juga perlu terus menerima bantuan. Mereka hendaklah diberi bantuan bersyarat di mana bantuan tersebut dijadikan sebagai upah keterlibatan mereka dalam menceburi tenaga, memberi tenaga dalam program-program komuniti seperti kerja sosial, membantu membersihkan infrastruktur awam, masjid dan membangun desa atau lulus dalam kursus-kursus membentuk kemahiran.

Dengan demikian, penyertaan mereka sebagai sebahagian daripada kontrak sosial kebajikan, kita bukan saja dapat mengurangkan *dependency* mereka terhadap bantuan tapi juga menggalakkan mereka merasa bertanggungjawab mahu memperkasakan diri sambil menyumbang kepada masyarakat. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola memberikan cadangan bagi memupuk budaya pemantauan dan akauntabiliti agar kita boleh menilai pelaksanaan dasar-dasar dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan lebih tepat dan bertanggungjawab.

Pertama, kaola ingin mencadangkan pembentukan *Dashboard* KPI Nasional Bersepadu, *National Integrated Dashboard* satu platform nasional yang menyatupadukan pemantauan 37 KPI Wawasan Brunei 2035 serta pelaksanaan *Blueprint* Ekonomi, *Blueprint* Manpower dan *Blueprint* Sosial serta projek-projek yang di bawah RKN yang mendukung Wawasan Brunei 2035. Jika disertakan dengan unsur-unsur terpilih daripada *Sustainable Development Goals* yang menyokong pencapaian matlamat wawasan. *Dashboard* ini boleh memberi gambaran menyeluruh merentas kementerian, menyelaraskan dasar dan mengelakkan pertindihan dan ketidakselarasan pelaksanaan.

Kedua, *dashboard* ini juga dijadikan alat Pemantauan Tahunan Bersepadu dan alat kajian prestasi berskala secara suku tahun, *quarterly review*. Dengan *dashboard* yang tulus dan dapat diakses terbuka kepada awam, intervensi dasar boleh dibuat dengan lebih cepat dan berdasarkan data dan mengambil kira realiti semasa.

Ketiga ialah Pembahagian Fasa Penilaian Tiga Tahun. Walaupun memandangkan Wawasan Brunei 2035 akan tiba dalam tempoh 9 tahun, ianya terlalu panjang untuk kita dapat memastikan *focus delivery*. Kaola berpendapat untuk memastikan *focus deliverability* dan akauntabiliti sisa 9 tahun ini bolehlah dibahagikan kepada tiga fasa tempoh 3 tahun setiap fasa. Dengan cara begitu, kita dapat menumpukan *deliverability* dengan indikator yang jelas pelaksanaan

yang boleh diukur dengan hasil yang boleh dipertanggungjawabkan.

Cadangan keempat, iaitu pemetaan tanggungjawab yang jelas. Perlu ada penegasan peranan dan tanggungjawab antara kementerian, agensi pelaksanaan dan di kalangan warga penjawat awam. Ini akan mengurangkan budaya *ping-pong* dari satu jabatan ke satu jabatan dan mempercepatkan proses pelaksanaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi menggulung pembahasan ini, izinkan kaola sekali lagi membuat sasaran agar kita memperkukuhkan penyampaian Wawasan Brunei 2035 dengan melayani *fundamental* asas keperluan dulu. Pertama, *Dashboard* nasional sebagai alat pemantauan yang tulus dan menyeluruh. Kedua, *Blueprint* Ekonomi yang benar-benar menjana kekayaan untuk negara dan rakyat. Ketiga, dasar tenaga manusia yang membuka ruang pekerjaan yang bermakna dan jangka panjang. Keempat, sistem pendidikan yang memperkukuhkan kemahiran asas dan menjurus kepada keperluan pasaran. Kelima, program sosial memastikan Maqasid Syariah melindungi yang memerlukan dan mengaktifkan yang berkeupayaan; dan keenam, penjawat awam yang progresif, responsif, berani dan bijaksana membuat keputusan.

Kaola maklum dalam suasana geopolitik dan ekonomi global yang mencabar, pencapaian negara seperti kestabilan mikroekonomi, peningkatan skor

pembelajaran dalam penilaian antarabangsa, PISA dan digitalisasi bantuan sosial adalah satu kemajuan yang sangat-sangat membanggakan. Namun, sistem pencapaian adalah jelas, *transparent* menyantuni keperluan asas rakyat hanya dengan memahami dan memastikan bahawa tiada yang akan tercicir dalam proses pembangunan negara, barulah program Wawasan Brunei 2035 dapat sokongan padu dan boleh jadi penggerak memotivasikan rakyat menuju matlamat Wawasan Brunei 2035 bersama, Insya Allah.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim (*doa dibaca*).

Kaola terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memberi kesempatan kepada kaola untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Wawasan Brunei 2035 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang

Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II iaitu bagi majlis ini mengusulkan tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara bagi merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dibentangkan yang mana antara kandungannya ialah keperluan bagi Dewan meneliti cadangan dan idea yang dikemukakan dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

Dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan strategik dan pelan-pelan tindakan menjurus kepada pencapaian matlamat-matlamat utama wawasan, tiga *blueprint* iaitu *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint* telah dihasilkan dengan kerjasama semua *stakeholders* yang dikenal pasti di kalangan kementerian-kementerian bagi memacu setiap rancangan adalah teratur dan berhasil seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035. Usul itu seterusnya menekankan bahawa dalam memastikan Negara Brunei Darussalam akan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, majlis mengusulkan bagi tindakan dan sokongan bersepadu digagaskan dengan pendekatan senegara.

Kaola ingin mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada Yang

Berhormat Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai yang telah berjaya menghasilkan *blueprint-blueprint* tersebut sebagai panduan kebangsaan bagi pelan tindakan dan juga untuk memacu penyediaan pelaksanaan dan pemantauan apa jua rancangan yang sudah diatur.

Dengan penghasilan *blueprint* ini seperti yang dinyatakan iaitu hasil dari pendekatan *whole of government*, kaola yakin akan lebih mudah lagi negara mencapai semua matlamat-matlamat dalam Wawasan Negara 2035 kerana sudah ada permuafakatan, kesefahaman, kerjasama dan tindakan sepadu di kalangan semua kementerian termasuk semua warga kementerian untuk mencapai matlamat wawasan menjelang 2035. Apa yang kita harapkan menjelang 2035 ialah Negara Brunei Darussalam mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi yang dinamik dan *stable*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam menyokong Usul ini dan mengharapakan Wawasan Brunei 2035 mencapai matlamatnya, beberapa persoalan dan kekhuatiran bermain di dalam fikiran kaola. Pertama, pergolakan politik dan ketidakstabilan ekonomi dunia akan menjadi cabaran kepada usaha negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035.

Justeru itu, kaola melihat kerjasama dua hala antara Brunei dengan negara-

negara lain meliputi semua bidang perlu dieratkan. Alhamdulillah, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara amat dihormati, kita mempunyai hubungan yang baik dan semua negara dan kaola percaya dengan adanya perhubungan persahabatan yang erat seperti yang ada sekarang akan memudahkan negara untuk menjalin *strategic alliances* hubungan ekonomi, mengadakan *trade missions*, perjanjian perdagangan, *joint venture projects* dan berupaya menarik pelaburan dari negara-negara sahabat yang boleh mendatangkan *mutual benefit* kepada dua negara.

Kaola berpendapat kita perlu bertindak secara proaktif di mana peluang-peluang perniagaan, pelaburan dan *joint venture* dapat diterokai. Setentunya hubungan ekonomi perdagangan, pertanian di antara negara ASEAN dengan Negara Brunei Darussalam dapat didalami iaitu *we can deepen our relations with them* dalam berbagai bidang.

Kedua, sebagai mana yang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dimuatkan dalam kertas rujukan bagi usul Wawasan Brunei 2035, di mana Baginda bertitah, "Kita memerlukan modal insan yang dinamik dan berkualiti tinggi yang dapat menyesuaikan diri

dengan perubahan dan memacu kemajuan".

Kaola menyentuh perkara ini kerana kebimbangan kaola akan kepersediaan yakni *readiness* warga perkhidmatan awam mendokong usaha untuk merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035. Pihak Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035 telah mengeluarkan *Manpower Blueprint* yang mengandungi empat aspirasi bagi mencapai visi tenaga yang dinamik.

Penekanan kepada kesiapan siaga untuk masa depan iaitu mengutamakan pendidikan dan latihan dinamik agar mereka nanti berpengetahuan, kemahiran, beretika dan adaptif dan melahirkan tenaga yang produktif dan cekap adalah tepat dan penting. Ciri-ciri ini harus dimiliki apabila mereka memegang jawatan awam ataupun apa jua pekerjaan.

Kaola berharap pihak Jawatankuasa Kerja *Manpower* akan terus berusaha menghasilkan tenaga kerja yang dinamik ke arah komited dan penyelesaian masalah yakni *problem solver, be part of solution* bukan *part of a problem*. Pada masa ini kita masih berdepan dengan masalah wujudnya penjawat awam yang kurang memberi kerjasama yang seolah-olah *disconnected* dengan *the big picture* iaitu Wawasan Brunei 2035 dan kurang menghayati Wawasan Brunei 2035 untuk mereka memberi khidmat yang mendokong pencapaian Wawasan Brunei 2035 ini.

Kaola juga berharap isu kekurangan pekerjaan, isu tidak keselarasan pembekalan dengan permintaan dapat segera diatasi untuk kita mencapai *full employment* atau kadar *employment* yang meyakinkan. Realiti pada masa ini ialah susah mendapat pekerjaan. Ini dihadapi bukan sahaja di kalangan pencari kerja yang lepasan sekolah malah lebih ketara di kalangan graduan yang berijazah yang mempunyai *Masters* dan *PhD* dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin menyentuh sedikit mengenai *Economic Blueprint* yang mana ia adalah cukup terperinci dalam mengatur strategi untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan *sustainable*. Kaola kira dengan adanya *Economic Blueprint* begitu komprehensif dan *roadmap* yang sangat jelas menuju ke pertumbuhan ekonomi, kita yakin akan berupaya memantapkan ekonomi negara untuk tidak lagi bergantung kepada hasil minyak dan gas semata-mata.

Kita juga berharap usaha ke arah *economic diversification* akan dapat melibatkan sektor swasta secara mudah dan besar-besaran. Buat pada masa ini, sektor swasta merasa seolah peranan mereka dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035 tidak diambil berat malah dalam sesi perbincangan dengan beberapa wakil sektor swasta, mereka menyatakan kesulitan menjalankan perusahaan perniagaan disebabkan *business environment* yang tidak *friendly* dan kondusif.

Kaola rasa jurang kerjasama atau persafahaman di antara sektor swasta dan kerajaan perlu dirapatkan agar tidak timbul salah fahaman di antara kedua pihak kerana bagi pandangan kaola untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 adalah *crucial* kita membina saling kepercayaan antara kedua pihak yakni *mutual trust*.

Dalam *Economic Blueprint* ada disentuh mengenai pentingnya peranan sektor swasta ini. Ini adalah tepat dan kaola berharap dalam usaha kita untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, peranan sektor swasta akan lebih menonjol di mana ada *conscious effort* untuk memajukan *local business development*.

Kaola juga ingin menyentuh sejauh mana usaha kita menarik pelaburan asing ke negara ini berjaya dan hasilnya *signifikan*, dan apakah hasilnya *signifikan*? Kerana seperti yang kita nyatakan dalam *Economic Blueprint*, *FDIs* adalah penting. Kaola khuatir dalam kita ghairah mengenalkan dasar dan peraturan baru, bukan kita akan menarik pelabur asing, sebaliknya pelabur asing menghadapi masalah kelambatan, *red tape*, penerangan yang kurang jelas hingga mereka membatalkan rancangan untuk melabur di negara ini.

Ini adalah hasil dari beberapa dapatan kaola, semoga kes-kes seperti ini tidak banyak. Sepatutnya kita mempunyai polisi yang boleh menarik pelabur asing menyokong inovasi, keusahawanan yakni *entrepreneurship* dan perkembangan

berbagai jenis industri yang boleh membawa *capital* masuk ke Brunei bukannya menyebabkan *capital flight*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagaimana kita sentiasa mengingati diri kita, tempoh untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 hanya tinggal 10 tahun lagi. Ia bukanlah masa yang panjang dan dari sekarang. Apa yang kita nyatakan dalam *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint* sudah seharusnya lebih daripada 60 peratus ataupun 70 peratus terlaksana.

Kita ingin melihat di mana dan apa sudah pencapaian kita sejak bermulanya Wawasan Brunei 2035. Buat pada masa ini kita kurang pasti sejauh mana sudah pencapaian kitani, kerana apa yang dinyatakan sama ada dalam *Manpower Blueprint*, *Economic Blueprint* hanyalah aspirasi. Dalam membuat perkara ini, seperti satu *circle* kita mesti mengetahui sejauh mana sudah *circle* itu kita lengkapi. Bagi kaola bukan mudah dicapai aspirasi dalam tempoh 10 tahun, kalau ada yang masih belum kita mulakan.

Akhir sekali kaola ingin menyentuh tentang *Social Blueprint* di mana kaola berpendapat inilah matlamat kita sebenarnya dalam Wawasan Brunei 2035 ini, iaitu supaya kualiti kehidupan rakyat yang tinggi dapat kita capai. Jika hari ini kita menikmati kehidupan yang aman sejahtera dan selamat dan serba mencukupi, menjelang 2035 dan seterusnya kita ingin melihat rakyat dan

penduduk di negara ini akan terus menikmati kehidupan yang sama malah lebih makmur lagi. Untuk itu, kita perlu kaedah yang dapat memantau kesejahteraan rakyat seperti memastikan akses kepada keperluan asas, akses kepada penjagaan kesihatan dan perubatan, perumahan, tempat ibadah, pendidikan dan pekerjaan bagi semua antara lainnya.

Agensi-agensi yang bertanggungjawab mestilah cekap menjalankan tugas agar tidak berlaku ketidakadilan, pengabaian atau wujudnya masyarakat yang terpinggir yang masih bergelut dengan masalah harian dan kesukaran untuk menyara kehidupan keluarga dari bulan ke sebulan dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, akhir sekali izinkan kaola memberi pandangan iaitu untuk Wawasan Brunei 2035 berjaya, ia mestilah jelas, *realistic* dan mudah dipantau. Ia memerlukan kepimpinan yang tegas di setiap peringkat pelaksanaan, melibatkan semua *stakeholders* kerajaan dan swasta. Perancangan dan pelaksanaan yang *robust* sentiasa dipantau dan dinilai *flexible* dan dapat adaptasi dan sentiasa diberigakan kepada rakyat akan perkembangannya agar mereka memahami dan menyokong apa jua usaha mengenainya.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, kaola ingin menyatakan sekali lagi sokongan kaola ke atas Usul Wawasan ini semoga

dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan usaha senegara dan penglibatan orang ramai dengan limpah kurnia dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita akan dapat mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telahpun membincangkan usul ini dan saya percaya cukuplah dulu kita berunding dan saya ingin mencadangkan supaya mesyuarat ini kita tangguhkan sehingga esok hari iaitu hari Selasa, 5 Ogos 2025 seperti biasa mulai daripada 9.30 pagi.

Sekian Wabillahit taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat Negara
ditangguhkan)**